AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DAN sesiapa yang melakukan kejahatan atau menganiaya dirinya sendiri (dengan melakukan maksiat), kemudian dia memohon ampun kepada Allah nescaya dia mendapati Allah Maha Pengampunlagi Maha Pengasih".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam
Surah an-Nisa, ayat 110.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.34 SUBUH 4.44 SYURUK 6.09 DUHA 6.33 ZUHUR 12.22 ASAR 3.48 MAGHRIB 6.34 ISYAK 7.49
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 73 | 18 JUN 2025 / 1446 ذوالحجة 21 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU PERCUMA

# MEMPERKASA PERGERAKAN PENGAKAP SEBAGAI WAHANA PEMBANGUNAN SAHSIAH, KEPIMPINAN

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**

**BERIBI**, Selasa, 17 Jun. - Pusat Latihan dan Perkhemahan Pengakap (PLPP) yang baharu akan menjadi mercu tanda bagi kemajuan dan kecemerlangan kegiatan berpengakap, ia juga akan menjadi Pusat Kecemerlangan yang lengkap dan berupaya melahirkan anggota pengakap yang memiliki jati diri dan mengamalkan nilai-nilai teras persatuan.

PLPP akan menjadi landasan penting bagi pengembangan ilmu, kemahiran, serta jati diri ahli-ahli pengakap pelbagai peringkat.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda demikian di Sambutan 75 Tahun Pengakap Tunas di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Perasmian PLPP, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD).

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah seterusnya bersabda dengan beroperasi sepenuhnya PLPP, Duli Yang Teramat Mulia menaruh keyakinan hasrat Persekutuan



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, juga selaku Ketua Pengakap Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) berkenan mengurniakan sabda pada Sambutan 75 Tahun Pengakap Tunas di Negara Brunei Darussalam dan Perasmian Pusat Latihan dan Perkhemahan Pengakap, PPNBD. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.**

Pengakap untuk membangunkan pusat kecemerlangan latihan, kepimpinan dan penyatuan seluruh warga pengakap di negara ini akan dapat dicapai termasuk sumbangan langsungnya ke arah melahirkan masyarakat yang resilien.

Dalam masa yang sama, DYTM turut menghargai peranan pucuk pimpinan Persekutuan Pengakap termasuk para sukarelawan serta ibu bapa yang tidak mengenal lelah dalam menyumbang bakti, tenaga, dan masa demi memastikan kejayaan dan juga kesinambungan gerakan berpengakap di negara ini.

"Seiring dengan semangat 'Selalu Bersedia', saya berkeyakinan nilai-nilai jati diri pengakap akan dapat memacu dan menjana kejayaan dalam kehidupan seharian termasuk di luar konteks pergerakan pengakap dengan kesiagaan untuk menanai dan memikul tanggungjawab sebagai warga negara yang berjiwa patriotik, berakhlak mulia dan berpandangan jauh.

>> Muka 2

# Meningkatkan daya tahan terhadap perubahan iklim

**Oleh : Marlinawaty Hussin**

**BERAKAS**, Selasa, 17 Jun. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perikanan, dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Poni Group Sendirian Berhad, secara rasminya memulakan Persidangan Hutan ke Terumbu Karang yang diadakan selama tiga hari, di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Persidangan berkenaan diadakan bersempena Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (Brunei MYCE) 2025 dan akan berlangsung mulai hari ini hingga Khamis, 19 Jun 2025.

Hadir merasmikan persidangan berkenaan, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku tetamu kehormat majlis.

Yang Berhormat dalam ucapan alu-aluannya menekankan kepentingan untuk mengiktiraf hutan darat, bakau, rumpai laut dan terumbu karang sebagai saling berkait rapat dalam menyokong perkhidmatan ekosistem, memastikan kelangsungan hidup dan meningkatkan daya tahan terhadap perubahan iklim.

>> Muka 7

# Persidangan tingkatkan kemahiran dalam bidang psikologi, pedagogi

**Oleh : Marlinawaty Hussin**

**BERAKAS**, Isnin, 16 Jun. – Persidangan Antarabangsa Psikologi Gunaan dan Pedagogi 2025 (ICAPP 2025) merupakan sebuah wadah ilmu yang boleh memberikan kefahaman yang jelas kepada para guru dan bakal guru mengenai bidang psikologi dan pedagogi, sekali gus mempertingkatkan kemahiran mereka dalam kedua-dua bidang ilmu tersebut.

Persidangan tersebut diharap supaya para guru di negara ini berupaya mengaplikasikan amalan psikologi dan pedagogi dan seterusnya mampu mengintegrasikan kedua-dua ilmu tersebut dalam kerjaya mereka dengan baik dan berkesan, demi melaksanakan misi mereka sebagai guru untuk melahirkan generasi berwawasan yang mampu mendepani cabaran-cabaran masa hadapan yang lebih kompleks dan mencabar.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku tetamu kehormat menjelaskan perkara tersebut dalam Ucapan Perasmian ICAPP 2025 pada majlis perasmian persidangan berkenaan yang berlangsung pagi tadi di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa.

>> Muka 6

# 62 penjawat awam Kementerian Pertahanan terima Pingat Kerja Lama

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**

**BOLKIAH GARISON,** Selasa, 17 Jun. - Seramai 62 penjawat awam yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan menerima Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024 pada Majlis Penyampaian Pingat yang berlangsung di Blok Menara, Kementerian Pertahanan, hari ini.

>> Muka 6

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

## Berita Utama



FORUM bincangkan perkembangan tadbir urus korporat
Muka 10



MENGGALAKKAN penglibatan belia dalam dialog kelestarian, budaya
Muka 12



PROGRAM bantu belia bina ketahanan diri
Muka 17




PERKEMBANGAN, inovasi teknologi bunyi
Muka 21

# Memperkasa pergerakan pengakap sebagai wahana pembangunan sahsiah, kepimpinan

>> Muka 1

"Pada kesempatan ini, saya juga merakamkan setinggi penghargaan kepada kementerian-kementerian serta agensi-agensi kerajaan, khususnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan Kementerian Pendidikan atas komitmen dan sokongan padu yang berterusan dalam bersama-sama menyumbang kepada usaha-usaha memajukan pergerakan pengakap khususnya dan juga pergerakan pasukan-pasukan kadet beruniform lainnya di negara ini.

"Dalam hubungan ini, saya juga gembira mengambil maklum bahawa sebahagian besar pemimpin pengakap adalah terdiri daripada kalangan guru-guru. Maka, sokongan bersepadu daripada pihak sekolah dan keseluruhan Kementerian Pendidikan adalah amat signifikan ke arah memperkukuh peranan kepimpinan pasukan Pengakap Tunas sebagai teras kepada kelangsungan keseluruhan gerakan berpengakap di peringkat kebangsaan dan global," sabda DYTM lagi.

Dalam sabda DYTM yang juga selaku Ketua Pengakap, DYTM berasa bangga mengikuti perkembangan dan pencapaian Persekutuan Pengakap NBD di sepanjang 75 tahun tertubuhnya pasukan Pengakap Tunas.

Sabda DYTM lagi, ia jelas mencerminkan usaha gigih semua pihak dalam memperkasa pergerakan pengakap sebagai wahana pembangunan sahsiah dan kepimpinan bagi barisan generasi pelapis sebagai pewaris bangsa dan negara.

Dalam hal ini, DYTM bersabda menekankan Pengakap Tunas, sebagai asas kepada perjalanan kepengakapan, memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi unggul sejak dari usia dini.

Melalui aktiviti-aktiviti yang bersifat mendidik, mencabar dan membina keyakinan diri, sabda DYTM, ia telah berjaya melahirkan ahli-ahli muda yang celik nilai, bertanggungjawab serta memiliki semangat sedia berbakti kepada masyarakat dan negara.

Terdahulu, dalam sabda DYTM, sesungguhnya pencapaian Sambutan 75 Tahun Pengakap Tunas di NBD amatlah bermakna dalam menyemarakkan lagi semangat berpengakap dalam kalangan generasi muda, bahkan juga melambangkan komitmen berterusan PPNBD dalam mendukung usaha pembangunan modal insan yang berdisiplin, berintegriti dan berjiwa kebangsaan selaras dengan aspirasi dan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Keberhasilan pencapaian ulang tahun ke-75 ini sabda DYTM lagi, adalah berkat hasil kerjasama dan dedikasi semua pihak dalam sama-sama memperkasa pembangunan sahsiah dan kepimpinan dalam kalangan generasi muda melalui nilai-nilai pengakap sebagai tunjang kepada pembangunan jati diri dan semangat kesukarelawanan dalam masyarakat.

"Akhir kata dengan mendahulukan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim*, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, saya sukacita merasmikan Sambutan 75 Tahun Pengakap Tunas di NBD dan Perasmian Pusat Latihan dan Perkhemahan Pengakap," akhir sabda DYTM.

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, juga selaku Ketua Pengakap Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam dijunjung menyempurnakan pengurniaan Waran Pesuruhjaya-pesuruhjaya Pengakap.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| JUN MASIHI | HARI | ZULHIJAH HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 18 | RABU | 21 | 4.34 | 4.44 | 6.09 | 6.33 | 12.22 | 3.48 | 6.34 | 7.49 |
| 19 | KHAMIS | 22 | 4.34 | 4.44 | 6.09 | 6.34 | 12.23 | 3.49 | 6.34 | 7.50 |
| 20 | JUMAAT | 23 | 4.35 | 4.45 | 6.10 | 6.34 | 12.23 | 3.49 | 6.34 | 7.50 |
| 21 | SABTU | 24 | 4.35 | 4.45 | 6.10 | 6.34 | 12.23 | 3.49 | 6.34 | 7.50 |
| 22 | AHAD | 25 | 4.35 | 4.45 | 6.10 | 6.34 | 12.23 | 3.49 | 6.34 | 7.50 |
| 23 | ISNIN | 26 | 4.35 | 4.45 | 6.10 | 6.35 | 12.24 | 3.50 | 6.35 | 7.51 |
| 24 | SELASA | 27 | 4.36 | 4.46 | 6.11 | 6.35 | 12.24 | 3.50 | 6.35 | 7.51 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 24 °C | 29 25 °C | 30 25 °C |
| Pekan Bangar | 28 24 °C | 30 24 °C | 32 24 °C |
| Pekan Tutong | 30 25 °C | 30 25 °C | 32 25 °C |
| Kuala Belait | 29 24 °C | 30 24 °C | 32 24 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

18 JUN 2025

### Landasan pengembangan ilmu, kemahiran berpengakap

**PERGERAKAN** Pengakap Tunas di Negara Brunei Darussalam (NBD) sudah bermula pada awal tahun 1950 di mana pergerakan ini telah banyak memainkan peranan penting dalam mendidik dan membentuk secara berterusan nilai-nilai kepimpinan, kerjasama, dan tanggungjawab dalam kalangan generasi muda di NBD.

Pergerakan Pengakap Tunas atau Wolf Cubs diperkenalkan oleh Pengasas Pengakap Sedunia, Lord Baden Powell, pada tahun 1916 di London, sebagai respons terhadap keperluan latihan berstruktur untuk kanak-kanak yang lebih muda. Sejak itu, pergerakan tersebut terus berkembang pesat dan mendapat sambutan meluas di seluruh dunia, termasuklah di NBD.

Sepanjang tempoh 75 tahun pergerakan Pengakap Tunas, telah memainkan peranan penting dalam menerapkan nilai-nilai murni seperti disiplin, kepimpinan, kerja berpasukan dan tanggungjawab dalam kalangan kanak-kanak.

Di samping itu, Pengakap Tunas juga telah berjaya menganjurkan kegiatan besar iaitu 'Cubboree' sebanyak empat kali pada tahun 2008, 2010, 2012 dan 2016 yang mencatatkan pertemuan menarik dalam kalangan ahli-ahli Pengakap Tunas negara-negara jiran. Selain itu, Pengakap Tunas juga menyertai kegiatan besar di Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam seperti Jambori Pengakap Brunei pada tahun 1985, 1989, 1999, 2013 dan 2023.

Alhamdulillah bersempena dengan Sambutan 75 Tahun Pengakap Tunas di NBD, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, yang juga selaku Ketua Pengakap Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) berkenan merasmikan Pusat Latihan dan Perkhemahan Pengakap, PPNBD yang baharu.

Dalam sabda perasmian, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mengucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah bekerja keras dengan berbekalkan semangat tinggi dalam usaha menubuhkan Pusat Latihan dan Perkhemahan Pengakap (PLPP) yang akan menjadi landasan penting bagi pengembangan ilmu, kemahiran serta jati diri ahli-ahli pengakap pelbagai peringkat.

Dengan beroperasi sepenuhnya PLPP, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota bersabda menaruh keyakinan hasrat Persekutuan Pengakap untuk membangunkan pusat kecemerlangan latihan, kepimpinan dan penyatuan seluruh warga pengakap di negara ini akan dapat dicapai termasuk sumbangan langsungnya ke arah melahirkan masyarakat yang resilien.

Dengan tema 'Pengakap Tunas *Kitani*, Masa Depan *Kitani*', sambutan 75 tahun tersebut menegaskan komitmen berterusan PPNBD dalam melahirkan generasi muda yang berdaya tahan, berdedikasi dan berbakti kepada agama, bangsa dan negara melalui pendidikan bukan formal yang progresif dan inklusif. Dengan terbinanya PLPP ini, ia akan menjadi mercu tanda bagi kemajuan dan kecemerlangan kegiatan berpengakap di NBD selain akan berupaya melahirkan ahli pengakap yang memiliki jati diri dan mengamalkan nilai teras pengakap. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**



# BERKENAN BERANGKAT KE SAMBUTAN 75 TAHUN PENGAKAP TUNAS



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, juga selaku Ketua Pengakap Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) berkenan berangkat ke majlis berkenaan. Berangkat sama, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (kiri dan kanan).**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BERIBI,** Selasa, 17 Jun. – Sejak penubuhannya pada awal tahun 1950, pergerakan Pengakap Tunas di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah banyak memainkan peranan penting dalam mendidik dan membentuk secara berterusan nilai-nilai murni seperti disiplin, kepimpinan, kerja berpasukan dan tanggungjawab dalam kalangan kanak-kanak.

Sehubungan itu, Sambutan 75 Tahun Penubuhan Pengakap Tunas merupakan satu peristiwa penting dalam sejarah pergerakan pengakap yang bertujuan menghargai pencapaian, perkembangan dan sumbangan besar yang telah dimainkan oleh Pengakap Tunas dalam membentuk generasi muda negara sejak awal penubuhannya.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, juga selaku Ketua Pengakap Persekutuan Pengakap NBD (PPNBD) berkenan berangkat ke Sambutan 75 Tahun Pengakap Tunas di NBD dan Perasmian Pusat Latihan dan Perkhemahan Pengakap, PPNBD, hari ini.

Berangkat sama paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota di Pusat Latihan dan Perkhemahan Pengakap, PPNBD dijunjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pemangku Menteri Pendidikan; Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas; Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Awang Haji Junaidi bin Haji Husin serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan.

Sejurus keberangkatan tiba, Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan' dimainkan.

Seterusnya lafaz Persetiaan Pengakap Tunas diketuai oleh Abdul Hasbul Wakeel bin Haji Bolkiah, Ahli Pengakap Tunas 1054, Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar, Sungai Kebun.

Manakala bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Mohammad Arif Fahmi bin Fariszal, Ahli Pengakap Tunas 1075, Sekolah Rendah Sengkurong.

Dalam sembah alu-aluannya, Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Awang Haji Idris antara lain mengongsikan objektif sambutan berkenaan adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang peranan pengakap dalam pembangunan kanak-kanak.

Pada masa yang sama tambahnya, ia juga bagi mewujudkan hubungan baik antara pengakap dan masyarakat.

Menyentuh mengenai pembinaan Pusat Latihan dan Perkhemahan Pengakap, PPNBD, Yang Dipertua PPNBD berharap ia akan dapat digunakan sepenuhnya oleh ahli-ahli pengakap daripada berbagai-bagai peringkat umur.

"Semoga ia akan bermanfaat dan memudahkan untuk menjalankan apa-apa jua kursus-kursus dan keperluan-keperluan latihan dan prasarana yang diperlukan. Dalam masa yang sama kita juga dapat memberikan bantuan dan kemudahan kepada masyarakat umum yang memerlukan fasiliti-fasiliti yang ada untuk diguna pakai untuk kebaikan bersama.

"InsyaaAllah kita akan terus menambah baik pusat latihan ini dengan apa-apa jua yang berkenan dan diperlukan pada masa depan. Kita juga dapat menyediakan tempat perkhemahan yang boleh menampung lebih 200 orang, cukup dengan kelengkapan-kelengkapan bilik air dan tandas. Juga menyediakan alat-alat berhalangan untuk latihan fizikal," dalam sembahnya.

Pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan sabda dan menyempurnakan perasmian Sambutan 75 Tahun Pengakap Tunas dan perasmian Pusat Latihan dan Perkhemahan Pengakap, PPNBD diikuti dengan menandatangani plak perasmian dan Lembaran Kenangan.

DYTM seterusnya dijunjung menyempurnakan pengurniaan Waran Pesuruhjaya-pesuruhjaya Pengakap dan Sijil-sijil Penghargaan kepada pengetua, guru-guru besar sekolah dan Ketua Kampung yang mempunyai pasukan pengakap.

Sebanyak 27 Waran Pesuruhjaya telah dianugerahkan kepada individu yang dilantik bagi tempoh perkhidmatan dari tahun 2025 hingga 2029. Manakala penerima Sijil-sijil Penghargaan adalah kepada sekolah-sekolah bagi peringkat rendah dan menengah juga kampung-kampung yang mempunyai Pasukan Pengakap.

DYTM kemudiannya dijunjung bagi menerima pesambah. Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dipimpin oleh Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Keugamaan, Awang Haji Rosaimi bin Haji Othman.

>> Muka 4



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyempurnakan perasmian Sambutan 75 tahun Pengakap Tunas dan perasmian Pusat Latihan dan Perkhemahan Pengakap, PPNBD.**



**YANG Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas semasa sembah alu-aluannya.**





**ANTARA yang hadir menadah tangan ketika doa dibacakan (atas), manakala gambar atas tengah, Doa Selamat dipimpin oleh Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Keugamaan, Awang Haji Rosaimi bin Haji Othman.**



**SUASANA Sambutan 75 tahun Pengakap Tunas dan perasmian Pusat Latihan dan Perkhemahan Pengakap, PPNBD (kanan dan kanan sekali).**



PELITA BRUNEI

# Berkenan berangkat ke Sambutan 75 Tahun Pengakap Tunas




**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia dijunjung bagi sesi bergambar ramai dan seterusnya berangkat ke Majlis Santap (atas dan bawah kanan).**

>> Muka 3

Seterusnya DYTM dijunjung berangkat bagi menyaksikan pameran-pameran dan permainan yang diketengahkan bagi sambutan berkenaan antaranya ialah aktiviti yang berasaskan permainan tradisi Brunei, sukan dan cabaran minda. DYTM juga dijunjung untuk bergambar ramai di pentas yang telah disediakan.

Setelah itu lawatan DYTM diteruskan lagi ke kawasan Kelab Radio Amatur PPNBD dan menyaksikan 'Monkey Bridge' iaitu sejenis jambatan *pioneering* yang dibina khas sebelum mengakhiri lawatan ke kawasan perkhemahan yang terdiri daripada peserta-peserta Kursus 6 Sekawan.

Keberangkatan DYTM ke majlis ini merupakan manifestasi jelas akan komitmen berterusan DYTM dalam usaha pembangunan belia, khususnya melalui Pergerakan Pengakap, selaku Ketua Pengakap.

Dengan tema 'Pengakap Tunas Kitani, Masa Depan Kitani', sambutan ini menegaskan komitmen berterusan PPNBD dalam melahirkan generasi muda yang berdaya tahan, berdedikasi dan berbakti kepada agama, bangsa dan negara melalui pendidikan bukan formal yang progresif dan inklusif.

Selaras dengan tema ini, moto Pengakap Tunas 'Buat Habis Baik' menjadi pegangan utama setiap ahli dalam melaksanakan tugasan dan amanah yang diberikan, sekali gus mendidik mereka untuk berusaha bersungguh-sungguh, berdisiplin, jujur serta tidak mudah berputus asa.

Pergerakan Pengakap Tunas atau Wolf Cubs diperkenalkan oleh pengasas Pengakap Sedunia, Lord Baden Powell, pada tahun 1916 di London, sebagai respons terhadap keperluan latihan berstruktur untuk kanak-kanak yang lebih muda. Sejak itu, pergerakan ini terus berkembang pesat dan mendapat sambutan meluas di seluruh dunia, termasuklah di NBD.



# PAMERAN MENGETENGAHKAN IDENTITI, BUDAYA TEMPATAN

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, yang juga selaku Ketua Pengakap Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam dan paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia dijunjung bagi menyaksikan pameran-pameran dan permainan yang telah disediakan (kiri dan atas).**

**BERIBI,** Selasa 17 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, yang juga selaku Ketua Pengakap Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah berkenan berangkat ke Sambutan 75 Tahun Pengakap Tunas di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Perasmian Pusat Latihan dan Perkhemahan Pengakap (PLPP), PPNBD.

Pada acara berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah dijunjung bagi menyaksikan pameran-pameran dan permainan yang telah disediakan.

Antara pameran dan permainan yang diketengahkan pada Sambutan 75 Tahun Pengakap Tunas di NBD dan Perasmian PLPP, PPNBD berkenaan ialah aktiviti-aktiviti yang berasaskan permainan tradisi Brunei, sukan dan cabaran minda.

Pameran dan permainan pertama mempersembahkan permainan tradisi Brunei bagi memupuk jati diri dan menghayati warisan budaya melalui permainan tradisional.

Objektifnya adalah bagi menggalakkan penglibatan kanak-kanak dan remaja dalam permainan warisan yang menyeronokkan dan penuh nilai selain mewujudkan kefahaman tentang identiti dan budaya tempatan melalui aktiviti interaktif.

Selain itu, ia juga dapat menghidupkan semula permainan tradisional agar tidak dilupakan oleh generasi muda.

Antara aktiviti yang dilaksanakan, iaitu permainan Batu Simban yang dapat melatih ketangkasan dan ketepatan lontaran, sementara permainan Tinting mampu meningkatkan keseimbangan badan dan daya tumpuan, manakala permainan Congkak pula dapat mengasah strategi, kiraan matematik dan kesabaran.

Permainan Dam pula dapat mengajar perancangan langkah dan strategi dalam permainan papan, sementara menambat dastar mampu menguji kemahiran tangan dan pemahaman terhadap seni ikatan tradisi.

Sementara pameran dan permainan kedua menyentuh mengenai cabaran minda yang dapat merangsang kreativiti, fokus dan penyelesaian masalah secara santai dan menyeronokkan.

Objektifnya ialah untuk menguji ketajaman fikiran serta keupayaan menyelesaikan masalah secara kritikal dan kreatif serta menggalakkan semangat kerjasama dalam menyelesaikan tugasan secara berkumpulan.

Selain itu, ia juga mampu membina keyakinan diri dan keseronokan dalam pembelajaran tidak formal.

Antara aktivitinya ialah permainan menembak sasaran, iaitu melatih fokus, kawalan motor halus dan ketepatan; manakala meneka warna dapat menguji daya ingatan dan kemampuan membuat jangkaan secara visual, sementara mencari benda tersembunyi pula menggalakkan ketelitian dan pemerhatian.

Bagi aktiviti Targeted Goal mampu mengasah daya sasaran dan pemahaman terhadap objektif permainan; sementara Lempar Gelung dapat meningkatkan koordinasi mata dan tangan; manakala memindah biji kacang hijau dengan *chopstick* pula menguji kemahiran halus dan kesabaran; dan Go Solar dapat memupuk kesedaran tentang tenaga boleh diperbaharui melalui aktiviti interaktif.

Sementara pameran dan permainan ketiga pula ialah sukan, dengan menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif melalui sukan rekreasi dan kompetitif.

Objektifnya ialah untuk meningkatkan kecergasan fizikal dan daya tahan kanak-kanak dan remaja selain mewujudkan semangat kesukanan, kerja berpasukan dan disiplin.

Selain itu, ia juga menyediakan ruang sukan yang menyeronokkan dan mudah diakses oleh semua peringkat umur.

Antara aktiviti-aktivitinya ialah memancing yang mampu mengasah kesabaran dan tumpuan, sementara permainan Beyblade dapat mewujudkan persaingan sihat dan minat terhadap sukan moden, manakala Bola Keranjang Mini menggalakkan koordinasi dan kerja berpasukan, dan Bowling Botol menguji ketepatan dan kawalan tenaga dalam suasana santai.

# PENETAPAN, LANTIKAN PANGKAT TIMBALAN PESURUHJAYA POLIS

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei





**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan berangkat bagi menyaksikan lantikan tersebut (atas), manakala gambar kanan, Yang Amat Mulia SAC Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris ditetapkan dan dilantik dalam jawatannya sebagai Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei.**

**GADONG**, Isnin, 16 Jun. – Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah perkenan bagi Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia SAC Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris untuk ditetapkan dan dilantik dalam jawatannya sebagai Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), berkuat kuasa mulai 12 Jun 2025.

Sejurus itu, majlis lantikan telah diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Bankuet Mess, Kompleks Ibu Pejabat PPDB, Gadong.

Berkenan berangkat bagi menyaksikan lantikan tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Berangkat sama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar.

Turut hadir, isteri Yang Amat Mulia, Dayang Nur Akmalia binti Leftenan Kolonel (B) Awang Iskandar.

Majlis disempurnakan oleh Pesuruhjaya Polis, CP Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin dengan penyampaian surat lantikan dan pemakaian pangkat.

Hadir sama, isteri kepada Pesuruhjaya Polis PPDB, Datin Sabrina binti Abdullah.

Majlis kemudiannya diserikan dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, APO S/Sgt 6472 Muhd. Yusri bin Haji Abu Bakar dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

# 237 jemaah haji penerbangan terakhir selamat tiba



**KETIBAAN jemaah haji negara dialu-alukan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei dan Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam (atas dan bawah).**

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

**BERAKAS**, Isnin, 16 Jun. - Penerbangan keempat dan terakhir yang membawa 237 jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi musim haji tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) menggunakan pesawat Diraja Brunei (RB) BI4228 pada jam 5.26 petang tadi.



Ketibaan jemaah haji negara dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah H. Al Buraithin.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, CP Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin dan Datin; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, JPM, Dr. Awang Norfarizal bin Othman serta Ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji, pengarah-pengarah dan para pegawai kanan KHEU.

Mengiringi jemaah haji bagi penerbangan keempat berkenaan ialah para pegawai dari Pejabat Urusan Jemaah Haji (Perubatan) dan Syarikat Darussalam Services Sendirian Berhad (DSSB).

Bagi memberkati kepulangan jemaah haji, Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Awang Haji Zulkifli bin Haji Murat.



# PERSIDANGAN TINGKATKAN KEMAHIRAN DALAM BIDANG PSIKOLOGI, PEDAGOGI

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Terdahulu, majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' diikuti dengan nyanyian lagu rasmi ASEAN dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan inti sari.

Ini diteruskan dengan ucapan aluan-aluan daripada Dekan Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja ICAPP 2025, Profesor Madya Dr. Mohammad Shahril bin Ahmad Razimi antara lain menyatakan seramai 57 pembentang terdiri daripada pakar dan ahli akademik dalam dan luar negara akan membentangkan kertas kerja mereka dalam sesi selari persidangan tersebut.

"Persidangan ini juga telah menarik minat seramai 130 orang peserta yang terdiri daripada para penggubal dasar, warga pendidik, ahli psikologi dan mereka yang terlibat dalam sektor pendidikan.

"Semoga dengan penganjuran persidangan ini akan dapat menjadi satu platform perbincangan ilmiah dan kongsi sama yang bermanfaat berkaitan dengan Psikologi Gunaan dan Pedagogi," katanya.

Majlis perasmian berkenaan diserikan dengan Pembentangan Perdana bertajuk 'Kembali Imarahkan Roh, Jiwa dan Nilai Pendidikan Guru ASEAN', yang disampaikan oleh Pengarah Akademik dan Pejabat Antarabangsa, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia, Profesor Madya Dr. Ridzuan bin Che Rus selaku wakil Naib Canselor USPI.

Persidangan selama dua hari itu dianjurkan oleh KUPU SB dengan kerjasama Association of Southeast Asian Teacher Education Network (AsTEN) bersempena Acara Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2025 (Brunei MYCE 2025).

Bertemakan 'Pendidikan Guru Berteraskan Pedagogi dan Psikologi Abad Ke-21', ICAPP 2025 merupakan kesinambungan daripada Persidangan Antarabangsa Psikologi dan Pedagogi 2024 (ICOPP 2024) yang telah diadakan pada tahun lepas.

ICAPP 2025 antara lain bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam kalangan pakar dan warga pendidik dalam memahami kepentingan psikologi sebagai asas amalan pedagogi berkesan di samping membentuk kefahaman atau *tasawwur* yang jelas dalam kalangan guru dan mereka yang terlibat dalam sektor pendidikan tentang psikologi gunaan dan hubungannya dengan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Ia juga bermatlamat dalam memberi peluang kepada para peserta membincangkan kaedah terbaik aplikasi psikologi dalam pendidikan.

Mesyuarat Ketua-Ketua AsTEN Kali Ke-19 juga diadakan sempena ICAPP 2025, AsTEN dianggotai oleh rangkaian institusi pendidikan guru di negara-negara ASEAN dalam usaha untuk menangani isu dan cabaran yang berkaitan dengan program, amalan dan dasar pendidikan guru dalam ASEAN.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar Negara-Negara ASEAN; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Timbalan Setiausaha Tetap dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEU; Ketua-ketua Delegasi AsTEN; juga pegawai dan kakitangan kerajaan.



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama berucap pada majlis berkenaan.**



**SEBAHAGIAN yang hadir pada Perasmian ICAPP 2025 yang diadakan di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa.**

# 62 penjawat awam Kementerian Pertahanan terima Pingat Kerja Lama

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II menyampaikan pingat kepada penerima.**

>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian pingat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin; peringkat kepimpinan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan serta ahli keluarga para penerima pingat.

Pengurniaan P.K.L ini adalah untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada para penerima P.K.L atas sumbangan dan jasa bakti mereka kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab selama 20 tahun dalam Perkhidmatan Awam.

Pengurniaan itu akan turut menjadi pemangkin semangat kepada para penerima untuk terus mencurahkan bakti dengan setia demi kerajaan dan negara.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.



**YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Pingat yang diadakan di Blok Menara, Kementerian Pertahanan (atas). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, antara penerima pingat yang hadir pada majlis berkenaan.**





# MENINGKATKAN DAYA TAHAN TERHADAP PERUBAHAN IKLIM

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Usaha melindungi hutan dan terumbu karang, tegas Yang Berhormat, bukanlah tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi merupakan misi bersama yang memerlukan setiap individu untuk bertindak sekarang, sekali gus memperkukuh komitmen Negara Brunei Darussalam (NBD) di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Strategik Biodiversiti Kebangsaan (NBPSPA) 2024 hingga 2030, yang sejajar dengan Rangka Kerja Biodiversiti Global Kunming-Montreal.

"Menyedari akan kepentingan biodiversiti daratan dan laut, NBPSPA menggariskan strategi untuk pemuliharaan, penggunaan secara lestari dan pembangunan kapasiti.

"Ia menekankan pengurusan sumber secara berhemah, penglibatan komuniti, serta pembahagian manfaat yang adil bagi memastikan perlindungan biodiversiti kekal menjadi keutamaan negara," kata Yang Berhormat.

Pendekatan holistik berkenaan jelas Yang Berhormat, menggabungkan ketahanan alam sekitar dengan kesejahteraan sosioekonomi, sejajar dengan komitmen negara di bawah Konvensyen Kepelbagaian Biologi.

Yang Berhormat seterusnya menambah, pelaksanaan pelan berkenaan memerlukan pendekatan menyeluruh yang melibatkan institusi kerajaan, pihak akademik, sektor swasta dan masyarakat tempatan.

Meskipun masih dalam peringkat pelaksanaan, Yang Berhormat menekankan pelan berkenaan membentuk asas bagi kerjasama dan penyelarasan jangka panjang, serta membimbing usaha negara dalam perlindungan ekosistem dan pembangunan mampan.

Dalam pada itu, Yang Berhormat menjelaskan persidangan berkenaan merupakan peluang untuk merapatkan jurang antara penyelidikan, dasar dan amalan.

Menurut Yang Berhormat lagi, perbincangan akan meneroka sinergi ekosistem, nilai karbon biru, inovasi dalam pemulihan serta ekonomi *biodiversity*, yang penting dalam membentuk dasar dan jalinan kerjasama berkesan.

"Persidangan ini juga selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam mempromosi alam sekitar yang lestari, meningkatkan kualiti hidup dan menyokong pembangunan ekonomi jangka panjang.

"Persidangan berkenaan memainkan peranan penting dalam memajukan penyelidikan saintifik, menggalakkan kerjasama dan memperkukuh perancangan berasaskan ekosistem, sekali gus menyumbang kepada visi NBD yang lebih luas ke arah daya tahan dan kelestarian," ujar Yang Berhormat lagi.

Turut hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi dan Duta Besar, Setiausaha Tetap di KSSUP, Naib Canselor UBD, Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di KSSUP, pegawai-pegawai kanan kerajaan, wakil daripada organisasi tempatan dan antarabangsa, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), ahli akademik, penyelidik, wakil pihak berkepentingan dan pihak swasta yang berkaitan dan peserta persidangan.

Ucaptama pertama telah disampaikan oleh Director General of the Forest Research Institute Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Ismail Parlan yang menumpukan kepada peranan hutan bakau dalam perlindungan kawasan pesisir dan mitigasi iklim.

Beliau menekankan fungsi ekologi penting hutan bakau termasuk keupayaannya menahan sedimen, menyokong daya tahan terumbu karang, menjadi tempat pembiakan hidupan marin dan bertindak sebagai penyerap karbon biru yang sangat berkesan dengan potensi penyimpanan karbon dalam tanah untuk jangka masa panjang.

Manakala ucaptama kedua pula disampaikan oleh Chief Growth Officer and Co-Founder of Jejakin, Indonesia, Sudono Salim, yang membentangkan mengenai pendekatan inovatif dalam pemantauan ekosistem karbon biru melalui teknologi digital.

Beliau menampilkan penggunaan platform berkuasa Kecerdasan Buatan (AI) seperti CarbonAtlas, yang menggabungkan imejan satelit, pemetaan dron dan penderia *Internet of Things* (IoT) bagi mentransformasikan pemuliharaan hutan bakau kepada penyelesaian iklim yang boleh disahkan dan diskalakan di peringkat ASEAN, seterusnya menyokong pasaran karbon sukarela (*voluntary carbon markets*) dan sasaran iklim kebangsaan.

Ini diikuti dengan dua sesi tematik yang memfokuskan kepada Role of Blue Carbon Ecosystems dan juga menangani Ecosystem Synergies : Linking Forests and Reefs for Biodiversity Conservation. Ahli-ahli panel dan peserta terdiri dari dalam dan luar negara turut menyertai sesi berkenaan.

Persidangan berkenaan bertujuan untuk menghubungkan penggubal dasar, ahli akademik dan pihak berkepentingan dengan pemimpin biodiversiti global bagi bertukar pengetahuan dan amalan terbaik.

Selain itu, ia juga memberi tumpuan dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi biru dan hijau, termasuk ekopelancongan dan pasaran karbon, sambil meningkatkan pembangunan kapasiti, pendidikan dan rangkaian profesional dalam pemuliharaan biodiversiti, penyesuaian iklim dan pengurangan risiko bencana.

Di samping itu, ia juga menyokong integrasi amalan terbaik antarabangsa dan peluang ekonomi baharu ke dalam strategi hutan ke terumbu karang negara.

Persidangan Brunei Darussalam mengenai Hutan ke Terumbu Karang menampilkan ahli-ahli panel tempatan dan antarabangsa, termasuk penyelidik, pegawai kerajaan, dan pakar alam sekitar dari institusi ternama.

Ahli-ahli panel berkenaan akan berkongsi kepakaran dalam sains iklim, pengurusan ekosistem, dan pembangunan mampan serta penyelidikan terkini dan amalan terbaik untuk menyokong komitmen NBD terhadap pemuliharaan alam sekitar dan daya tahan iklim.

Persidangan akan dibahagikan kepada enam topik tematik utama termasuk Role of the Blue Carbon Ecosystems, Ecosystem Synergies : Linking Forests and Reefs for Biodiversity Conservation; Innovations in Monitoring and Restoring Forest and Coastal Ecosystems; Ecosystem Valuation: The Economics of Ecosystem Services in Forests and Coastal Ecosystems; Blue Carbon Ecosystems as Climate Solutions; dan Expedition on Forest to Reef – Findings.

Aktiviti lawatan turut diadakan termasuk lawatan hutan bakau di Sungai Damuan dan lawatan ke UBD Botanical Research Centre, yang memberikan peserta pengalaman secara langsung tentang ekosistem semula jadi dan usaha pemuliharaan NBD.

Maklumat lanjut mengenai Persidangan Hutan ke Terumbu Karang Brunei Darussalam bolehlah diperoleh melalui laman sesawang rasmi Jabatan Perhutanan di *www.forestry.gov.bn* dan Jabatan Perikanan di *www.fisheries.gov.bn* serta media sosial Instagram masing-masing *@forestry.brunei* dan *@fisheries.brunei*.



**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berucap pada Persidangan Hutan ke Terumbu Karang.**

BRUNEI MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION MYCE 2025

# Memperkukuh kerjasama dalam kelestarian, marin, alam sekitar

Siaran Akhbar dan Foto : Poni Divers

**BERAKAS,** Selasa, 17 Jun. - Bersempena the Forest to Reef Conference, dua penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Hadir bagi menyaksikan penandatanganan MoU tersebut ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Penandatanganan MoU pertama antara Poni Divers dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) bagi mengiktiraf UBD sebagai Rakan Pendidikan bagi Ocean Week Brunei 2025.

Melalui kerjasama itu, UBD menyokong pelaksanaan program utama iaitu the Ocean Sustainability Conference di Dewan Kuliah, The Core pada 16 Jun 2025 yang lalu dan Future Ocean Changemakers Youth Forum yang diadakan di Pusat Kesenian Pro-Canselor bermula 24 hingga 25 Jun 2025 nanti.

Pelajar UBD akan mengambil bahagian secara aktif dalam inisiatif ini bersama delegasi belia serantau, termasuk peserta dari the UBD ASEAN University Network (AUN) Summer Camp, seterusnya memperkukuhkan lagi penglibatan belia dalam kelestarian marin dan kepimpinan alam sekitar di seluruh ASEAN.

Selama dua hari, para peserta akan berpeluang untuk berinteraksi dengan pemimpin industri, profesional marin, pakar alam sekitar dan pemimpin belia dari dalam dan luar negara serta meneroka pelbagai laluan kerjaya dalam sektor marin.

Manakala penandatanganan MoU kedua merupakan perjanjian tiga pihak antara UBD, Poni Group dan Jejakin dari Indonesia yang bertujuan untuk memupuk kerjasama akademik dan alam sekitar yang kukuh.

Melalui kerjasama ini, akan adanya inisiatif perkongsian ilmu dan pemindahan teknologi antara semua pihak, di mana Jejakin akan menyediakan platform teknologi dan latihan bagi membina keupayaan tempatan dalam pengukuran pelepasan karbon dan pemantauan biodiversiti menggunakan analitik berasaskan AI.

Inisiatif ini akan dimulakan dengan projek penanaman pokok komuniti dan projek paya bakau pertama di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang menampilkan pemantauan aktif stok karbon menggunakan peranti IoT dan alat digital.

UBD akan berkongsi kepakaran dan pengetahuan mereka dalam kawasan hutan dan paya gambut, manakala Poni Group akan menyumbang kepakaran serta pengetahuan operasi mereka di kawasan Teluk Brunei.

Poni Group sebagai rakan pelaksana, kini sedang meneroka peluang dalam kredit berasaskan alam semula jadi, kredit biodiversiti dan pembiayaan pemuliharaan alam sekitar untuk NBD, manakala UBD akan menerajui inisiatif penyelidikan berkaitan.

Ia juga menggariskan inisiatif kerjasama dalam pengurusan hutan dan karbon, termasuk seminar dan kerja lapangan, penerbitan bersama dan inisiatif penyelidikan, dengan peluang untuk berkembang ke bidang lain yang dipersetujui bersama seperti platform data alam sekitar, penyelidikan karbon biru dan program literasi iklim digital.

Jejakin ialah sebuah syarikat teknologi iklim yang berpangkalan di Indonesia yang memfokuskan kepada pemantauan karbon dan mengimbangi melalui data satelit, AI dan penderiaan jauh, dan platform tindakan iklim digital.

Ia menggariskan beberapa bidang kerjasama, termasuk pertukaran pelajar dan fakulti, penerbitan akademik bersama, inisiatif penyelidikan dan peluang latihan.

MoU tersebut ditandatangani oleh Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle; Pengarah Poni Group, Mohammad Tahsin Wong Abdullah; dan Chief Growth Officer, Jejakin, Sudono Salim.

Juga hadir, Penolong Naib Canselor UBD (Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan), Dr. Haji Masairol bin Haji Masri; Ketua Pegawai Perniagaan, Poni Group, Anna Aziz dan Ketua Pakar Penyelidikan dan Produk, Jejakin, Antonio Umbu.




**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir bagi menyaksikan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

PELITA BRUNEI

IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

KELUARAN KEDUA

# Mengendali Perasaan Marah

**ANTARA** amalan-amalan yang dianjurkan oleh Islam dalam mengendali marah ialah:

i. Mengingati dan merenung kelebihan menahan marah dan sifat pemaaf.

Kelebihan tersebut antaranya ialah dia dikasihi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, tergolong dalam kalangan orang-orang yang bertaqwa dan mendapat ganjaran pengampunan dan syurga serta lain-lain kelebihan yang telah disebut sebelum ini.

Menurut Imam al-Ghazali *Rahimahullah* dalam kitabnya Ihya' Ulumiddin, apabila seseorang mengingati dan merenung kelebihan menahan marah dan sifat pemaaf, dia akan terdorong untuk mendapatkan pahala dan ganjaran yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* janjikan untuknya. Dorongan untuk mendapatkan pahala dan ganjaran yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* janjikan itu pasti akan menahannya daripada menurut perasaan marahnya lalu dengan sendirinya akan terpadamlah api kemarahannya itu.

ii. Menghadirkan perasaan takut kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* serta takut kepada siksaanNya.

Menurut Imam al-Ghazali *Rahimahullah*, bagi menghadirkan perasaan ini, dia hendaklah mengingati bahawa kekuasaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* adalah jauh lebih hebat daripada kekuasaan dirinya terhadap orang yang dimarahinya. Sekiranya dia melepaskan kemarahannya ke atas orang yang dimarahinya itu, dia juga mungkin akan mendapat kemurkaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* pada hari Kiamat kelak.

Dalam kitab ath-Thuyuriyyat, terdapat satu riwayat daripada Wuhaib bin al-Ward *Rahimahullah* tentang perbualan yang berlaku di antara Nabi Yahya *'alaihissalam* dengan Nabi 'Isa *'alaihissalam*. Wuhaib bin al-Ward *Rahimahullah* berkata:

**Maksudnya:** *Nabi Yahya telah berkata kepada Nabi 'Isa 'alaihimassalam: "Wahai Ruh Allah, apakah yang paling dahsyat yang telah diciptakan Allah?". Baginda (Nabi 'Isa 'alaihissalam) menjawab: "Kemurkaan Allah". Baginda (Nabi Yahya 'alaihissalam) berkata (lagi): "Maka khabarkanlah kepadaku akan perkara yang aku dapat berlindung dengannya (daripada) kemurkaan Allah." Baginda (Nabi 'Isa 'alaihissalam) berkata: "Jangan engkau marah".*

(Riwayat Abu Thahir as-Silafi dalam ath-Thuyuriyyat)

iii. Memperingatkan diri tentang akibat-akibat buruk daripada marah seperti permusuhan, putus silaturrahim, benci-membenci, saling berbalas dendam, bergembira atas kesengsaraan orang lain dan sebagainya.

Akibat-akibat yang disebutkan di atas bukan sahaja menjejaskan keharmonian hidup di dunia bahkan juga akan mengakibatkan kesengsaraan di hari Akhirat kelak.

iv. Membaca *at-ta'awwudz*.

Perkara ini berdasarkan hadits daripada Sulaiman bin Shurad *Radhiallahu 'anhu*, beliau meriwayatkan bahawasanya dua orang lelaki telah bermaki hamun di hadapan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* lalu salah seorang daripada mereka berdua mulai marah sehingga menjadi merah mukanya. Baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* lalu bersabda:

**Maksudnya:** *Sesungguhnya aku mengetahui satu kalimat yang seandainya dia mengucapkannya nescaya akan hilang daripadanya apa yang dia rasa, (iaitu) jika dia mengucapkan: "أَعُوذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ" (Aku berlindung dengan Allah daripada syaitan yang direjam).*

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Rahsia anjuran ini adalah kerana kemarahan itu daripada syaitan. Syaitanlah yang mendorong manusia supaya marah dengan tujuan untuk menjauhkan seseorang daripada keredhaan dan ni'mat-ni'mat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Syaitan menjadikan marah sebagai jalan atau cara untuk menyimpangkan manusia daripada kewarasannya sehingga dia hilang pertimbangan lalu melakukan perkara-perkara tercela yang diharamkan seperti mengeluarkan kata-kata yang keji, menyimpan rasa dendam dan sebagainya. Maka memohon kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* perlindungan daripada syaitan adalah antara senjata orang mukmin untuk menangkis tipu daya dan helah syaitan.

v. Menukar keadaan diri ketika marah.

Menukar keadaan diri ketika marah itu disarankan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dalam hadits yang diriwayatkan daripada Abu Dzarr *Radhiallahu 'anhu* bahawasanya Baginda bersabda:

**Maksudnya:** *Apabila seseorang daripada kamu marah dalam keadaan dia sedang berdiri, maka hendaklah dia duduk. Maka sekiranya (dengan duduk itu) hilang daripadanya kemarahannya (maka memadailah dengan yang demikian), dan jika tidak (hilang kemarahannya), maka hendaklah dia berbaring.*

(Hadits riwayat Abu Daud)

Menurut ulama, tuntutan ini adalah kerana orang yang sedang berdiri itu berada dalam keadaan sudah bersiap sedia untuk bertindak agresif dan membalas dendam, sedangkan orang yang sedang duduk pula keadaannya tidak sedemikian. Manakala orang yang sedang berbaring pula lebih rendah kesediaannya untuk melakukan yang sedemikian daripada orang yang berdiri atau yang duduk.

Menurut Imam al-Ghazali *Rahimahullah*, tuntutan bagi orang yang sedang berdiri supaya duduk atau yang sedang duduk supaya berbaring itu adalah suruhan supaya dia semakin dekat dengan tanah. Hal yang demikian adalah sebagai peringatan kepada manusia tentang kehinaan dirinya yang diciptakan daripada tanah. Dengan duduk dan berbaring juga dapat membuatkan orang yang marah itu supaya mendiamkan pergerakan dan bertenang kerana penyebab kemarahan adalah kepanasan dan penyebab kepanasan pula adalah pergerakan.

vi. Mendiamkan diri.

Dalam sebuah hadits, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* memerintahkan orang yang sedang marah supaya diam dan Baginda mengulanginya tiga kali. Perkara ini disebut dalam hadits daripada Ibn 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma*, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

**Maksudnya:** *Ajarkanlah oleh kamu (ilmu), mudahkanlah dan janganlah mempersulit. Dan apabila engkau marah, maka diamlah. Dan apabila engkau marah, maka diamlah. Dan apabila engkau marah, maka diamlah.*

(Hadits riwayat Ahmad)

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, berdiam diri adalah penawar yang hebat kerana orang yang sedang marah boleh menuturkan kata-kata yang buruk dan keji. Kata-kata yang dituturkan ketika dikuasai kemarahan itu boleh menyebabkan penyesalan setelah kemarahannya reda. Maka dengan mendiamkan diri, dia dapat mengawal dirinya daripada menuturkan kata-kata yang buruk dan keji.

vii. Jika marahnya masih juga tidak reda, maka menurut ulama hendaklah dia berwudhu' atau mandi dengan air yang tidak panas.

Anjuran ini adalah kerana kemarahan itu daripada syaitan dan syaitan pula dicipta daripada api sedangkan api dipadamkan dengan air. Maka air memadamkan kemarahan sebagaimana air memadamkan api.

Satu perkara yang perlu diambil perhatian di sini ialah bahawa tuntutan syara' supaya mengawal dan mengendali perasaan marah ini bukan bermaksud seorang manusia itu tidak boleh marah. Perasaan marah yang timbul merupakan fitrah kejadian manusia yang tidak dapat dihindari. Apa yang dituntut ialah untuk mengawal kemarahannya dan tidak membiarkan marah itu menguasai dirinya bagi menolak kesan-kesan buruk yang boleh berlaku ketika marah. Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, dengan latihan dan membiasakan diri menjauhi akhlak-akhlak yang keji dan sifat-sifat yang mengaibkan, seseorang itu akan dapat melindungi dan menyelamatkan dirinya daripada perkara-perkara keji dan keburukan-keburukan yang boleh berlaku kerana marah. Walaupun kemarahan tidak dapat dihindari, namun dengan mengawal dan mengendalikan perasaan marah boleh mengelakkan kesan-kesan buruk marah.

Satu perkara yang penting diingati selalu ialah ketika sedang marah, jangan sekali-kali mendoakan perkara-perkara yang tidak baik sama ada ke atas diri sendiri, orang-orang lain ataupun harta benda kerana dikhuatiri doa tersebut bertepatan dengan waktu mustajab berdoa lalu doa-doa yang tidak baik itu dimakbulkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Demikian penjelasan mengenai bimbingan Islam dalam mengendali perasaan marah.

MENUJU KEREDAAN ALLAH

# Al-Quran mukjizat teragung

**AL-QURAN** adalah mukjizat yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai panduan, petunjuk, pedoman serta sumber hidup bagi umat manusia dan juga menjadi bukti kekuasaan Allah yang Maha Tinggi. Al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui perantaraan Malaikat Jibril, yang kekal terpelihara keasliannya dengan rapi sejak diturunkan bertahun yang lalu. Ramai penghafaz Al-Quran telah wujud sejak zaman Rasulullah hingga ke hari ini. Penjagaan melalui mushaf dan hafazan membuktikan dengan kukuh bahawa ia terpelihara dari segala kesalahan dan kekurangan. Sebagaimana dalam firman Allah dalam Surah Al-Hijr, ayat 9 yang terjemahannya : *"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan sesungguhnya Kamilah benar-benar pemeliharanya (daripada perubahan, penyelewengan, penambahan dan pengurangan)".*

Kitab suci ini mengandungi petunjuk serta kandungan ilmu yang lengkap mengenai akidah, ibadah, moral, undang-undang dan segala aspek kehidupan manusia duniawi dan ukhrawi yang relevan sepanjang zaman. Sebagai kitab yang agung, Al-Quran tidak hanya membincangkan tentang kehidupan di dunia, tetapi juga mengisahkan tentang alam ghaib, kehidupan selepas mati serta panduan untuk mencapai kebahagiaan yang benar. Umat Islam tidak dapat menafikan lagi keistimewaan Al-Quran kerana Al-Quran merupakan sumber utama petunjuk dan pedoman hidup bagi setiap individu Muslim untuk mendapatkan keberkatan dan pengajaran tentang hukum-hukum Allah. Al-Quran memiliki keistimewaan yang tidak dapat ditandingi oleh apa pun.

Keindahan bahasa Al-Quran tetap terasa hingga kini meskipun telah ribuan tahun berlalu. Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab dengan gaya bahasa yang indah, kedalaman dan keunikan luar biasa. Bahkan, ahli bahasa Arab pada masa itu pun tidak mampu menandingi kecantikan dan kehebatan bahasa Al-Quran. Struktur kalimah dan keselarasan makna serta lafaznya menunjukkan kebesaran Allah dan ia tidak boleh ditiru oleh manusia walau dengan apa cara sekalipun.

Al-Quran juga membicarakan pelbagai ilmu pengetahuan, fakta-fakta ilmiah dan ilmu sains moden, contohnya tentang perkembangan awal manusia, struktur alam semesta, dan fenomena alam lainnya sebagaimana Allah berfirman dalam Surah Al-Mu'minuun, ayat 14 yang terjemahannya : *"Kemudian Kami menciptakan air mani itu menjadi segumpal darah beku lalu Kami menciptakan darah beku itu menjadi seketul daging, kemudian Kami menciptakan seketul daging itu menjadi tulang-tulang kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Kemudian (setelah sempurna kejadian itu) Kami menjadikannya makhluk yang (berbentuk) lain (dengan ditiupkan roh ke dalamnya). Maka Maha Suci Allah sebaik-baik Pencipta".*

Kitab suci Al-Quran juga menjelaskan tentang penciptaan alam semesta, seperti bagaimana langit dan bumi terbentuk, bagaimana angin bertiup, awan terbentuk dan air bergerak. Ini menunjukkan bahawa Al-Quran memiliki perkembangan ilmu pengetahuan pada masa kini, walaupun wahyu itu telah diturunkan lebih daripada seribu tahun yang lalu.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, umat Islam di negara ini memiliki hubungan yang sangat rapat dengan Al-Quran, bahkan, pengaruh Al-Quran dalam kehidupan sosial, budaya dan politik di Brunei sangatlah mendalam. Umat Islam di Brunei bukan sahaja menjadikan Al-Quran sebagai pedoman spiritual, tetapi juga berperanan dalam menetapkan hukum undang-undang dan dalam pembentukan sistem pemerintahan. Antaranya Pendidikan Al-Quran amat dititikberatkan dalam kalangan anak-anak di negara ini. Mereka diajarkan membaca dan mempelajari Al-Quran sejak usia kecil lagi dan Al-Quran dijadikan sebagai subjek institusi-institusi pendidikan di negara ini.

Hal ini demikian menunjukkan bahawa peranan Al-Quran adalah penting di Brunei Darussalam dan mempengaruhi banyak aspek kehidupan. Melalui keberkatan Al-Quran, Brunei menjadikan Al-Quran sebagai asas untuk membentuk masyarakat yang adil, makmur dan sejahtera sebagai sebuah negara yang berpegang teguh pada ajaran Islam.

Kesimpulannya, Al-Quran adalah kitab mukjizat yang teragung yang diturunkan oleh Allah sebagai petunjuk hidup bagi umat manusia. Al-Quran bukan sahaja sebagai panduan ibadah, tetapi juga mengandungi ilmu pengetahuan yang penting dan relevan sepanjang zaman membimbing manusia. Al-Quran juga adalah mukjizat yang terjaga keasliannya selama lebih dari 1,400 tahun. Justeru itu, Al-Quran bukan hanya untuk dibaca tetapi juga untuk difahami, diamalkan dan dijadikan pedoman hidup kerana Al-Quran adalah wahyu Allah Subhanahu Wata'ala yang penuh hikmah dan membawa umat manusia menuju kebahagiaan dunia dan akhirat.

# NBD KOMITED DALAM PEMULIHARAAN MARIN, SUMBER LAUTAN SECARA LESTARI




**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa menyampaikan kenyataan.**

**NICE, REPUBLIK PERANCIS**, Isnin, 16 Jun. - Persidangan Lautan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Ke-3 (The Third United Nation Ocean Conference) telah diadakan di Nice, Republik Perancis, bermula pada 9 hingga 13 Jun 2025.

Persidangan yang bertemakan 'Mempercepat Tindakan dan Menggerakkan Semua Pihak untuk Memelihara dan Menggunakan Lautan Secara Mampan' berkenaan dianjurkan bersama oleh Republik Perancis dan Republik Costa Rica bagi menghimpunkan pembesar-pembesar negara, menteri-menteri serta pihak berkepentingan global yang komited untuk memajukan 'Matlamat Pembangunan Mampan 14 : Kehidupan Dalam Air'.

Mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke persidangan berkenaan, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut menyertai rombongan berkenaan ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi, berserta pegawai dari KSSUP dan Kedutaan Besar NBD di Paris, Republik Perancis.

Semasa Sesi Plenari, Yang Berhormat telah menyampaikan Kenyataan NBD, yang menyatakan komitmen NBD dalam pemuliharaan marin dan penggunaan sumber lautan secara lestari.

Menurut Yang Berhormat, antara inisiatif utama adalah termasuk pewartaan lebih 20 peratus kawasan laut NBD sebagai Kawasan Perlindungan Marin (Marine Protected Areas), larangan penangkapan ikan yu dan pengeluaran lesen baharu bagi alat pukat tunda, pemasangan takat-takat tiruan, penggunaan sistem pemantauan kapal tangkapan ikan, Kempen Bebas Plastik dan Botol Plastik.

NBD tambah Yang Berhormat, turut menekankan pendekatan tadbir urus marin berasaskan data melalui penilaian stok ikan bersama Southeast Asian Fisheries Development Center (SEAFDEC), pembangunan Pangkalan Data Stok Perikanan Kebangsaan serta penggunaan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) dalam pemantauan terumbu karang.

Usaha-usaha berkenaan jelas Yang Berhormat lagi, sejajar dengan Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework dan Dasar Biodiversiti Kebangsaan serta disokong melalui Pelan Tindakan Strategik dan Dasar Biodiversiti Kebangsaan 2024 hingga 2030.

Semasa persidangan berkenaan, NBD juga mengumumkan penganjuran Ekspedisi dan Persidangan Antarabangsa Hutan Ke Terumbu Karang (Forest to Reef) di NBD yang akan diadakan pada bulan ini serta perancangan untuk menganjurkan Persidangan Antarabangsa mengenai Lautan pada Jun 2026 bagi mempromosi kerjasama serantau dan inovasi dalam tadbir urus lautan.

Penyertaan dalam persidangan peringkat antarabangsa berkenaan mengukuhkan jalinan kerjasama antarabangsa, mendapatkan kepakaran teknikal, serta bertukar pandangan mengenai pengurusan laut yang mampan.

Di samping itu, Yang Berhormat turut berpeluang mengadakan perbincangan dua hala dengan beberapa rakan antarabangsa dan organisasi berkaitan. Ini termasuklah perbincangan bersama Department of Climate Change, Energy, the Environment and Water, Australia (DCCEEW), Australian Institute of Marine Science (AIMS), Reef Aquaculture Conservancy (ReefAC), United Nation Development Programme, United Nation Environment Programme dan Marine Conservation Institute (MCI).

Semasa mesyuarat dua hala di antara Yang Berhormat dengan Ketua Pegawai Eksekutif, Australian Institute of Marine Science (AIMS), Profesor Selina Stead, organisasi berkenaan menyatakan minat untuk terus memperluaskan lagi inisiatif pemantauan terumbu karang di NBD, termasuk ekosistem hutan bakau dan rumput laut.

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

Mesyuarat dua hala berkenaan juga turut dihadiri oleh Division Head for International Environment Reef and Oceans, Department of Climate Change, Energy, the Environment and Water, Australia, Katrina Maguire, yang mengongsikan harapan Kerajaan Australia dalam memperkukuh kerjasama dengan NBD dalam pengurusan Kawasan Perlindungan Marin (MPAs).

Dalam perbincangan bersama Presiden Reef Aquaculture Conservancy (RAC), Dr. Guillermo A. Corona Herrera, RAC bersetuju untuk meneroka peluang kerjasama dengan NBD dalam memajukan pendekatan ekonomi berteraskan alam semula jadi (*nature-positive economy*), khususnya berkaitan dengan ekosistem karbon biru.

Sementara itu, dialog bersama United Nation Development Programme, United Nation Environment Programme dan Marine Conservation Institute (MCI) tertumpu kepada usaha mengenal pasti kerjasama strategik dalam pemuliharaan lautan serta penggunaan dan pengurusan sumber secara mampan bagi ekosistem yang berhubung kait (dari hutan dan hutan bakau, hingga ke rumput laut dan terumbu karang), selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

NBD menyertai negara-negara lain dalam menyokong kerjasama antarabangsa yang lebih mantap, sokongan teknikal, dan mekanisme pembiayaan yang kukuh bagi mempertingkatkan keupayaan negara-negara kecil dan pesisir yang sedang membangun dalam menghadapi cabaran berkaitan iklim dan lautan.

Dalam pada itu, NBD kekal komited untuk mempercepatkan tindakan marin dan bersedia untuk bekerjasama bersama masyarakat antarabangsa dalam melindungi lautan dunia demi generasi kini dan akan datang.



**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bergambar ramai ketika menghadiri Persidangan Lautan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Ke-3 (The Third United Nation Ocean Conference).**

# Majlis Malam Apresiasi raikan pembentang, delegasi ICAPP 2025

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**JERUDONG**, Isnin, 16 Jun. - Para pembentang perdana dan ucaptama serta delegasi yang menghadiri Persidangan Antarabangsa Psikologi Gunaan dan Pedagogi 2025 (ICAPP 2025) dan Mesyuarat Ketua-ketua Association of Southeast Asian Teacher Education Network (AsTEN) Kali Ke-19 diraikan dengan Majlis Malam Apresiasi bertempat di Royal Berkshire Hall, Tarindak d'Polo, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.



Terdahulu, Dekan Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan, KUPU SB, Profesor Madya Dr. Mohammad Shahril bin Ahmad Razimi, dalam ucapan alu-aluannya antara lain mengongsikan ICAPP 2025 membuka ruang kepada perkongsian ilmu yang bermanfaat, merangsang idea-idea baharu dan memperkukuh kerjasama antara perwakilan AsTEN khasnya.

Profesor Madya Dr. Mohammad Shahril selaku Pengerusi ICAPP 2025 juga melahirkan penghargaan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan penganjuran persidangan berkenaan, dari peringkat awal perancangan sehingga sampai ke titik ini, iaitu Malam Apresiasi Persidangan ICAPP 2025.

"Peramba / kaola / saya tidak lupa mengucapkan junjung kasih dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Kerja Persidangan, pembentang kertas perdana, Profesor Madya Dr. Ridzuan bin Che Rus yang mewakili Profesor Dato Md. Amin bin Md. Taff; dan para pembentang ucaptama, Profesor Madya Dr. Ipah Saripah dan Dr. Deeni Rudita bin Idris; dan para pembentang kertas kerja.



**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Malam Apresiasi di Royal Berkshire Hall, Tarindak d'Polo, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong (atas dan bawah kiri).**

"Penghargaan juga kepada para penaja khususnya Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Bank Islam Brunei Darussalam, Gedung Perniagaan Hua Ho Kiulap, Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd., Imagine Sdn. Bhd. dan Datastream Digital Sdn. Bhd., serta kepada sesiapa sahaja yang telah memberikan sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam melancarkan lagi persidangan ini sama ada dari segi saranan, pandangan dan tenaga. *Jazakumullah khairal Jaza*," ujarnya lagi.

Majlis diserikan lagi dengan penyampaian cenderamata kepada pembentang perdana, pembentang ucaptama dan pemimpin-pemimpin AsTEN serta diteruskan dengan persembahan bercorak kebudayaan.

ICAPP 2025 akan diteruskan lagi esok dengan pembentangan ucaptama kedua dan Sesi Sidang Selari, bertempat di KUPU SB.

Pelita Brunei

# FORUM BINCANGKAN PERKEMBANGAN TADBIR URUS KORPORAT




YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB hadir selaku tetamu kehormat majlis bergambar ramai.

BRUNEI MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION MYCE 2025

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**GADONG**, Isnin, 16 Jun. - Brunei Institute of Leadership and Islamic Finance (BILIF), dengan sokongan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah mengadakan Corporate Governance Forum 2025 bertempat di The Rizqun International Hotel.

Forum dua hari itu merupakan tahun kelima penyertaan dan sokongan BILIF dalam acara Persidangan dan Pameran Brunei Pertengahan Tahun (MYCE), inisiatif yang diungkayahkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Acara tersebut juga turut disokong oleh Darussalam Assets, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan anak-anak syarikatnya, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Jerudong Park Country Club (JPCC).

Dengan tema 'From Compliance to Strategy: Elevating Governance for the Modern Boardroom', antara tujuan forum diadakan adalah untuk membincangkan perkembangan tadbir urus korporat, dengan tumpuan kepada keseimbangan antara inovasi dan kedayatahanan organisasi dalam persekitaran yang semakin kompleks.

Dengan menghimpunkan pakar dan peneraju industri, forum telah membincangkan isu, peluang, cabaran serta hala tuju masa depan bagi tadbir urus korporat.

Sehubungan itu, acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Urusan, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BILIF yang antara lain menekankan bahawa tadbir urus kini tidak terhad kepada pengawasan dan pematuhan terhadap peraturan semata-mata, tetapi telah berkembang kepada pengurusan strategik yang merangkumi pembentukan masa hadapan, memperkukuh kepercayaan dan mencipta nilai jangka panjang.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB dan tetamu kehormat majlis dalam ucaptamanya menggariskan bahawa dalam landskap masa kini yang dipengaruhi oleh gangguan global, cabaran perubahan iklim, peralihan digital dan ekspektasi yang meningkat dari pihak-pihak berkepentingan, kecekapan dan keberkesanan tadbir urus adalah penting bukan sahaja untuk kejayaan sesebuah organisasi, tetapi juga untuk memastikan keupayaan sesebuah negara untuk kekal berdaya saing.

Beberapa pembentangan dan sesi panel telah diadakan di sepanjang forum berkenaan yang membincangkan topik-topik utama seperti peralihan tadbir urus daripada pematuhan peraturan kepada kepimpinan strategik, pengurusan risiko secara strategik, serta peranan lembaga pengarah dalam memacu inovasi dan kedayatahanan organisasi.

Sesi-sesi tersebut diselitkan dengan pelbagai perkongsian daripada pihak berkuasa pengawalseliaan, agensi pelaburan, institusi akademik dan lembaga korporat dari Negara Brunei Darussalam, Singapura, Indonesia, Malaysia dan Australia yang menyampaikan mesej utama, iaitu lembaga pengarah harus memimpin dengan strategi, integriti, dan pandangan jauh.

Forum diakhiri dengan ucapan penutup oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF, Awang Afero Eswandy bin Mohamad antara lain menegaskan kepentingan penyelarasan inovasi dengan kedayatahanan organisasi dan turut menyatakan keyakinan bahawa forum tesebut akan merangsangkan dialog bermakna mengenai peranan lembaga pengarah yang semakin berkembang sebagai pemangkin perubahan dengan menerapkan kesedaran risiko dalam setiap proses inovasi serta membimbing organisasi dengan penuh keyakinan dalam mengharungi keadaan sosioekonomi politik global yang kian mencabar.

Di samping forum tersebut, pihak BILIF juga menganjurkan Directors' Masterclass Series iaitu sebuah kursus intensif yang menyentuh tadbir urus korporat, kepimpinan dan kewangan pada 17 Jun 2025.

Dikendalikan oleh pakar serantau, kursus akan meneroka topik-topik utama seperti kepimpinan beretika, cara membuat keputusan strategik, serta daya tahan kewangan merentasi pelbagai fasa kitaran ekonomi.

Kursus bertujuan untuk melengkapkan para pengarah dengan strategi praktikal bagi meningkatkan keberkesanan lembaga pengarah serta menangani cabaran tadbir urus yang semakin kompleks.

BILIF, sebagai sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan di negara ini, sentiasa giat menjalankan misinya untuk membentuk pemimpin, pakar dan pemacu inovasi masa depan terutama dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan melalui program dan acara bertaraf antarabangsa. Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman sesawang BILIF di *www.bilif.com.bn* atau akaun Instagram *@BILIF.bn*.

# Mempamerkan inovasi, membina perkongsian bermakna kemampanan lautan NBD

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**TUNGKU LINK**, Isnin, 16 Jun. – Persidangan Kemampanan Lautan (Ocean Sustainability Conference) menghimpunkan lebih 250 peserta untuk menyertai dialog yang memberi kesan tentang kesihatan lautan, perlindungan pantai dan inovasi marin.

Persidangan bersempena Ocean Week Brunei (OWB) 2025 dihoskan oleh Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan dihadiri oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, yang turut menyampaikan ucapan perasmian mengenai kepimpinan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang semakin menyerlah dalam ekonomi biru dan kemampanan marin.

Dianjurkan bersempena Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (Brunei MYCE) 2025, persidangan berkenaan dikendalikan oleh Poni Divers dengan kerjasama KSSUP dan diadakan di The Core UBD, di sini.

Pada persidangan berkenaan, pembentangan ucaptama disampaikan oleh Pengasas Bersama Aerial Recon dan Recovery Initiative (ARRI), Dr. Sol Milne mengenai 'Blue Tech: Innovations for a Resilient Ocean', yang meneroka integrasi Kecerdasan Buatan (AI) dan teknologi dron dalam pemantauan marin.

Sepanjang persidangan berkenaan, pembentangan pakar merangkumi topik termasuk teknologi dan inovasi biru, daya tahan iklim, biodiversiti dan pasaran karbon biru.

Dr. Ramadian Bachtiar dari Blue Planet Fund pula membentangkan mengenai 'Biorock Technology', diikuti oleh Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Clean Valley CIC, Nick LaValle, yang berkongsi pandangan tentang 'Water Conflicts in a Changing Climate'. Sementara, Pegawai Pemuliharaan, Marine Research Foundation, Kooi Chee Ho, membentangkan mengenai 'Fisheries Management in Malaysia'. Kemuncak sesi, perbincangan panel yang dikendalikan oleh Pengasas Bersama Tyne Solution, Aimi Ramlee.

Sesi berikutnya dikendalikan oleh Pengarah Urusan Confer Sdn. Bhd., Allen Lai yang memberi tumpuan kepada perubahan iklim dan perlindungan habitat pantai. Manakala, Dr. Neil Hartstein dari ADS Environmental Services pula membentangkan mengenai 'Climate Change Impact Modelling, Sea Level Rise, Coastal Protection'.

Sementara, Todd Barber dari Reef Ball Foundation menyampaikan pembentangan tentang 'Marine Resilience : Practical Implementation of Biodiversity Intelligence'. Manakala, James Bali dari Sarawak Forestry Corporation pula berkongsi kerja beliau mengenai 'Management and Conservation of Marine Biodiversity in MPAs of Sarawak', sementara Dr. Amajida Roslim dari UBD membentangkan mengenai 'Biomonitoring on Reef Balls'.

Sesi mengenai karbon biru dan biodiversiti, yang dikendalikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Poni Divers, Awang Mohd. Tahsin Wong Abdullah, menampilkan Sudono Salim, Pengasas Bersama Jejakin yang membentangkan mengenai 'Technology in ASEAN Blue Carbon Market', manakala Aurora Tin dari Bursa Malaysia membentangkan 'The Role of Voluntary Carbon Market in Unlocking Blue Carbon Potential', sementara Recheal Jane dari KK Wetlands pula membincangkan 'Biodiversity in Sabah Wetlands', dan Win Sim Tan, Wakil Serantau Verra untuk Asia Timur dan Tenggara, yang membentangkan secara maya mengenai 'Blue Carbon and Biodiversity : Unlocking Nature-Based Solutions for Climate and Community'.

Pada sesi terakhir, Ketua Pengurusan Program di Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB), Reuben Chin, membentangkan mengenai Marine Protected Areas (MPAs) dan sempadan maritim. Manakala Dr. Michelle Voyer dari ANCORS pula membentangkan mengenai 'Marine Protected Areas and the Blue Economy: Pathways to 30x30 Biodiversity Conservation'. Sementara Azizi Mahali dari Jabatan Perikanan membincangkan 'Local Marine Conservation & MPAs', dan Dr. Shafi Noor Islam dari UBD pula membentangkan mengenai 'Ocean Vulnerability in the Southeast Asian Region and Sustainability'.

Sesi kemuncak persidangan ialah pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Poni Divers dan Clean Valley CIC, sebuah syarikat dari Kanada, untuk melancarkan penapis bio-alga pertama Asia Tenggara seumpamanya dan untuk membangunkan model ekonomi lautan kitaran (*circular ocean*) di seluruh rantau ini.

Penandatanganan MoU berkenaan disaksikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Ambra Dickie.




PENANDATANGANAN MoU berkenaan disaksikan oleh Puan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam.

Persidangan berkenaan turut mengalu-alukan penyertaan peringkat tinggi daripada komuniti diplomatik. Hadir sama, Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD, Puan Catherine Pochkhanavala Cleeve; Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, Tuan Yang Terutama Michael Neil Hoy; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Türkiye ke NBD, TYT Profesor Dr. Hamit Ersoy dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Timor Leste ke NBD, TYT Abel Guterres.

Lebih 150 organisasi mengambil bahagian dalam persidangan tahun ini, mencerminkan momentum tempatan dan antarabangsa yang kukuh untuk tindakan lautan.

Agensi kerajaan yang hadir termasuk KSSUP, dengan delegasi dari Jabatan Perikanan dan Jabatan Perhutanan, bersama Jabatan Perdana Menteri, Pejabat Perubahan Iklim NBD, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), LKEB dan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD).

Manakala, sektor swasta pula diwakili oleh Brunei Shell Petroleum, Brunei LNG, Hengyi Industries, Brunei Methanol Company, Brunei Gas Carriers, NiAT Sdn. Bhd., Imagine Sdn. Bhd., PTAS Group, Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) dan Bank Baiduri menunjukkan peranan industri yang semakin meningkat dalam menyokong kemampanan marin.

Sementara institusi akademik dan penyelidikan termasuk UBD, Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Politeknik Brunei, dan organisasi global seperti Reef Ball Foundation, ANCORS, Jejakin, dan Pusat Biodiversiti ASEAN turut memperkaya perbincangan pada persidangan berkenaan. Kumpulan alam sekitar dan diterajui belia seperti Beach Bunch, BruWILD, Superfish Growers dan Sabah Wetlands Conservation Society turut menyumbangkan perspektif dan pandangan yang didorong oleh komuniti mereka.

Tiga perbincangan panel interaktif menghimpunkan pakar daripada kerajaan, ahli akademik, sektor swasta dan masyarakat sivil untuk bertukar-tukar pengetahuan, mempamerkan inovasi dan membina perkongsian bermakna untuk kemampanan lautan di NBD dan rantau yang lebih luas.

# PMB : MEMBENTUK MASYARAKAT CELIK MAKLUMAT

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Adzraie Pg. Haji Nikman



**PEGAWAI Penerangan Kanan, Awang Haji Fathi Food bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar juga selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah hadir pada pembukaan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Mukim Labu, Daerah Temburong. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pemangku Penghulu Zon 1 dan Ketua Kampung Labu Estate dan Kampung Piasau-Piasau, Daerah Temburong.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Jun. - Ke arah memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara terutamanya bagi mencapai Wawasan Brunei 2035, Jabatan Penerangan menerusi Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Bahagian Cawangan Daerah telah mengendalikan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Mukim Labu, Daerah Temburong yang akan berlangsung selama dua hari bermula hari ini.

Sehubungan dengan itu, pembukaan majlis program berkenaan bertempat di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan, di sini disempurnakan oleh Pegawai Penerangan Kanan, Awang Haji Fathi Food bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar juga selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah.

Seramai 62 peserta yang terdiri daripada penduduk Mukim Labu, Daerah Temburong termasuk Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Pemangku Penghulu Zon 1 dan Ketua Kampung Labu Estate dan Kampung Piasau-Piasau, Daerah Temburong.

Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Dayang Izzah Hazirah binti Haji Adi Othman dalam ucapan alu-aluannya berkata, PMB bukan sekadar tentang menerima maklumat tetapi ia adalah tentang memperkasa komuniti *kitani* dan ia menawarkan peluang penting kepada para peserta untuk menimba ilmu pengetahuan yang relevan dan penting untuk pembangunan negara kita pada masa kini dan akan datang.

Dalam dunia yang kian mencabar ini katanya, maklumat yang tepat dan tindakan yang bijak adalah kunci kepada kesejahteraan dan keselamatan kita semua.

Dayang Izzah Hazirah seterusnya menjelaskan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam titah baginda pada 22 Februari 2015, iaitu : "Untuk berjaya, generasi penerus perlulah berwawasan dengan melengkapkan diri bagi menghadapi cabaran-cabaran mendatang. Di antara cabaran itu ialah memelihara keamanan, suatu kurnia daripada Allah yang pada sekian lamanya telah kita nikmati bersama-sama. Dengan adanya keamanan tersebut maka dapatlah kita menjalani kehidupan dengan penuh selesa serta dapat juga menyusun dan melaksanakan pelbagai rancangan kemajuan sehingga kemudiannya menghasilkan buah yang lazat berupa kemakmuran dan kesejahteraan".

"Alhamdulillah, program kali ini akan menyentuh tiga elemen penting, iaitu keselamatan awam - melalui pendedahan tentang isu jenayah siber, penipuan dan pengurusan bencana yang berkesan.

"Kesejahteraan komuniti dengan pengetahuan mengenai strok dan kesiapsiagaan menghadapi situasi berkenaan.

"Keusahawanan sebagai langkah ke arah kehidupan yang lebih berdikari dan mapan," ujarnya.

Kesemua ini tambahnya, bukan sahaja untuk menambah ilmu tetapi juga membangkitkan semangat dan rasa tanggungjawab *kitani* semua. Maklumat yang tepat hari ini boleh menyelamatkan banyak perkara esok, sama ada ia nyawa, harta, ataupun masa depan negara.

Menurut Dayang Izzah Hazirah lagi, jumlah penyertaan yang tinggi ini jelas menunjukkan minat dan kesediaan masyarakat untuk terus belajar, berkembang dan menyumbang kepada negara.

Program selama dua hari berkenaan katanya, dirancang khusus untuk memberikan pendedahan dan pemahaman yang lebih mendalam dengan matlamat untuk membentuk masyarakat yang celik maklumat, menyokong dasar negara dan memahami tanggungjawab bersama dalam membangun negara ke arah Wawasan Brunei 2035.

"Adalah diharapkan program ini akan menjadi landasan yang unggul dalam memberikan inspirasi kepada para peserta untuk sentiasa meningkatkan kemahiran diri dan *iski* dalam berlumba-lumba untuk memainkan peranan aktif dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 dan pembangunan negara yang dinamik melalui apa sahaja perkara-perkara yang positif.

"Ingatlah, peranan *biskita* mungkin nampak kecil bagi *biskita*, tetapi ia mempunyai impak yang sangat besar jika terus-menerus diceburi dan dikembangkan kerana ini akan 'menambal' setiap 'jurang pembangunan' yang ada dalam mencapai wawasan negara *kitani* pada masa ini," ujarnya lagi.

Dayang Izzah Hazirah juga melahirkan penghargaan dan menjunjung kasih dan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa dan rakan-rakan strategik yang terdiri daripada Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Radio Televisyen Brunei (RTB), Jerudong Park Medical Centre (JPMC), Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perkhidmatan Air, Syarikat USMS Sendirian Berhad, Majlis Perundingan Kampung Tungku Katok dan Syarikat O.D.E Aquaculture dan Agriculture.

Kerjasama padu daripada semua pihak katanya, yang menjadi tulang belakang kejayaan program berkenaan dan semoga kerjasama tersebut bukan sahaja diteruskan, malah diperkukuh dalam inisiatif-inisiatif mendatang.

"Tanpa *biskita* semua, program ini tiada maknanya. Semoga segala ilmu dan pengalaman yang diperoleh akan membina kekuatan diri dan semangat untuk terus memberi.

"Jadilah duta ilmu dalam komuniti *biskita* masing-masing," ujarnya lagi.

PMB ini merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan dalam menyampaikan maklumat rasmi dan maksud kerajaan melalui sesi taklimat, dialog dan lawatan, agar masyarakat dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara terutamanya bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Tujuan utama program berkenaan antara lain meningkatkan kesedaran masyarakat tentang peranan dan tanggungjawab kita dalam membangun negara, meningkatkan kefahaman mengenai dengan bidang keusahawanan dan program-program yang ditawarkan oleh agensi-agensi kerajaan ataupun swasta.

Selain itu, memahami usaha-usaha kerajaan dalam mengatasi isu pengangguran dan mendorong pertumbuhan ekonomi, dan memberikan inspirasi melalui lawatan sambil belajar ke perusahaan-perusahaan tempatan.

Selaras dengan tujuan program, iaitu untuk menyuntik semangat dan menginspirasi anggota masyarakat dalam usaha-usaha meningkatkan taraf hidup, pengetahuan serta pendedahan kepada aktiviti-aktiviti peningkatan kapasiti dan pengetahuan, program berkenaan telah disusun atur dengan beberapa sesi taklimat dan lawatan ke agensi-agensi kerajaan dan para pengusaha tempatan yang terpilih.






**ANTARA yang hadir pada PMB bagi Mukim Labu, Daerah Temburong (kiri), manakala gambar atas kanan, antara aktiviti dan taklimat yang diadakan pada program berkenaan.**







PELITA BRUNEI

# MENGGALAKKAN PENGLIBATAN BELIA DALAM DIALOG KELESTARIAN, BUDAYA



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**TUNGKU LINK**, Isnin, 16 Jun. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) - ASEAN University Network (UBD-AUN) Summer Camp yang kedua bagi 2025 membuka tirainya hari ini pada Majlis Pembukaan yang berlangsung di Pusat Seni Pro-Canselor, UBD, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Kem Musim Panas UBD-AUN 2025, Setiausaha Tetap (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Dr. Haji Azman dalam ucapannya menjelaskan, Kem Musim Panas UBD-AUN 2025 yang julung kalinya diadakan tahun lalu menjadi penanda aras penting dalam menggalakkan penglibatan belia, dialog mengenai kelestarian serta pemahaman antara budaya dalam kalangan rantau ASEAN +3.

Berdasarkan kejayaan tersebut jelasnya, Kem Musim Panas tahun ini membawa matlamat yang lebih besar, dalam tema yang menjurus ke arah masa depan : 'Green Stewardship : Preserving Biodiversity and Advancing Sustainable Development'.

"Tema ini sangat bertepatan dengan perkembangan semasa. Ketika rantau kita berdepan dengan pembangunan urbanisasi yang pesat, perubahan iklim, dan gangguan teknologi, terdapatnya keperluan yang mendesak untuk melahirkan pemimpin masa depan yang mempunyai kemahiran kritikal, pemikiran kolaboratif serta nilai-nilai kelestarian," ujarnya.

Menurutnya, Kem Musim Panas UBD-AUN 2025 memberikan jawapan kepada keperluan tersebut dengan menyediakan platform pembelajaran pelbagai dimensi kepada para pelajar dari AUN dan ASEAN +3 UNet untuk meneroka idea, berinteraksi dengan para pakar, serta bersama-sama membentuk penyelesaian yang mampan.

Kem Musim Panas UBD-AUN 2025 menyediakan platform pembelajaran pelbagai dimensi yang akan diadakan selama 14 hari bermula 15 hingga 28 Jun 2025.

Sepanjang 14 hari pelaksanaan program berkenaan, seramai 163 pelajar dari 38 universiti akan menyertai pelbagai bengkel, kuliah, aktiviti reka bentuk dan lawatan yang memberi pendedahan praktikal terhadap cabaran kelestarian dunia sebenar.

Selain itu, kem berkenaan juga menjadi platform penting untuk dialog antara budaya, di samping para peserta dari seluruh rantau ASEAN berpeluang menghargai kepelbagaian perspektif, tradisi dan aspirasi yang membentuk identiti serantau ini.

Selain itu, ia juga menjadi peringatan bahawa kita perlu sentiasa menyesuaikan diri dan berkembang untuk kekal relevan dalam dunia yang sentiasa berubah.

Antara tema utama yang diketengahkan dalam program berkenaan termasuk pemeliharaan alam sekitar, tanggungjawab sosial dan pembangunan bandar.

Sementara sesi bersama pakar akan merangkumi topik seperti biodiversiti, inovasi, dialog dasar, dan pemuliharaan warisan.

Melalui pengalaman berkenaan, para pelajar akan meningkatkan lagi kefahaman mereka mengenai konsep kelestarian sekali gus berpeluang mendapatkan pendedahan kerjaya dan pembangunan profesional melalui World Bank Talent Outreach Program; 'AIPA dialogue fosters discussions on parliamentary cooperation and ASEAN integration' serta Future Ocean Changemakers Youth Forum.

UBD merupakan ahli pengasas AUN sejak 1995 dan Naib Canselor UBD merupakan salah seorang ahli Lembaga AUN.

Tahun lalu, seramai 82 pelajar telah menyertai program berkenaan dan jumlah penyertaan meningkat pada tahun ini disebabkan oleh sambutan positif terhadap program yang dianjurkan UBD sebelumnya.

Selain UBD, terdapat 11 lagi universiti di bawah AUN yang turut menganjurkan Kem Musim Panas UBD-AUN 2025 berkenaan dengan tema atau fokus yang berbeza-beza.

Matlamat utama Kem Musim Panas UBD-AUN 2025 adalah untuk memupuk kemahiran kepimpinan, membina rangkaian serta mengasah kemahiran insaniah para pelajar.

Kem berkenaan bertujuan untuk melahirkan pemimpin masa depan yang berkemahiran tinggi, bersikap kolaboratif serta memiliki nilai-nilai kelestarian yang penting dalam membina masyarakat yang berdaya tahan dan inklusif.

Ini amat penting dalam menghadapi cabaran era moden seperti urbanisasi pesat, perubahan iklim dan gangguan teknologi.

Untuk maklumat lanjut mengenai program jangka pendek UBD, sila layari *http://ubd.edu.bn/* atau e-mel ke *globaldiscovery.ga@ubd.edu.bn*.



**SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Kem Musim Panas UBD-AUN 2025 (kanan dan kiri).**



**ANTARA yang menyertai Universiti Brunei Darussalam (UBD) - ASEAN University Network (UBD-AUN) Summer Camp yang kedua bagi 2025.**

# 4 pelajar SM Rimba sertai ASEAN Youth Camp 2025

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 16 Jun. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah dan Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP) telah menyelaras penyertaan bagi empat pelajar dan seorang guru dari Sekolah Menengah Rimba untuk menyertai ASEAN Youth Camp (AYC) 2025.

Program tersebut akan diadakan pada 17 hingga 20 Jun 2025 di Pathum Thani, Thailand.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengucapkan selamat belayar kepada para peserta ialah Pengarah Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Marina Chek binti Bujang.

Dianjurkan oleh Pusat Serantau SEAMEO untuk Pendidikan STEM (SEAMEO STEM-ED) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Thailand dan Muzium Sains Negara Thailand, kem ini menyediakan platform untuk golongan belia meneroka peranan Kecerdasan Buatan (AI) dalam meningkatkan kesedaran alam sekitar dan pembangunan lestari.

Pelajar-pelajar yang mewakili Negara Brunei Darussalam ialah Ahmad Razeen bin Adi Shahreen, Syahirah binti Salamat, Insyirah Bilqis binti Muhammad Firdaus, dan Ahmad Khairi Zakwan bin Haji Mohd. Marzuki, diiringi oleh guru mereka, Lena Ang Yan Ping selaku ketua delegasi.

Para peserta akan menyertai sesi latihan secara dalam talian dan aktiviti *hackathon* secara bersemuka, di mana mereka akan bekerjasama dengan belia dari seluruh Asia untuk menangani cabaran kelestarian berasaskan AI.

Program ini turut merangkumi bengkel kepimpinan, pertukaran budaya, serta lawatan pendidikan termasuk ke Muzium Sains Negara Thailand. Bertemakan 'AI Hackathon for Green Sustainability', kem ini menghimpunkan golongan belia dan pendidik dari Negara-Negara Anggota ASEAN, Timor-Leste, China, Jepun, dan Korea Selatan.

AYC 2025 bertujuan memperkasakan belia Brunei dengan kemahiran abad ke-21 dalam bidang kecerdasan buatan (AI), kerja berpasukan, dan kewarganegaraan global, di samping menggalakkan jaringan dan kerjasama dalam kalangan belia serantau.

Turut hadir di LTAB, pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dari Jabatan Sekolah-Sekolah, Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP), serta ibu bapa dan ahli keluarga pelajar.




**PENGARAH Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Marina Chek binti Bujang hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada para peserta.**

# MENINGKATKAN KESEDARAN TENTANG HALA TUJU PEMBANGUNAN MAMPAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 17 Jun. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM) di bawah Jabatan Perdana Menteri, dan Universiti Brunei Darussalam (UBD), dengan kerjasama World Bank buat pertama kalinya menganjurkan Program Pendedahan Bakat bagi World Bank di Pusat Kesenian Pro Canselor, UBD.

Program berkenaan adalah kerjasama yang julung kali diadakan antara World Bank dan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang mencerminkan komitmen berterusan negara dalam membekalkan para belia dan profesional dengan pengetahuan dan peluang yang disediakan oleh institusi global.

Ini merupakan satu pencapaian penting dalam usaha negara untuk menghubungkan bakat tempatan dengan rangkaian institusi global, sejajar dengan matlamat-matlamat di bawah Wawasan Brunei 2035.



SEKITAR Program Pendedahan Bakat bagi World Bank di Pusat Kesenian Pro Canselor, UBD (atas dan bawah).



Program hibrid setengah hari berkenaan merupakan salah satu aktiviti di bawah program UBD-ASEAN University Network (AUN) Summer Camp, yang menghimpunkan lebih daripada 300 peserta dari NBD dan negara-negara anggota Southeast Asia Voting Group (SEAVG). Ini termasuk 163 peserta program UBD-AUN Summer Camp, pelajar Institusi-institusi Pengajian Tinggi tempatan dan pencari kerja tempatan.

Program UBD-AUN Summer Camp bersempena Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (Brunei Mid-Year Conference and Exhibition - Brunei MYCE) 2025 adalah program tahunan yang menghimpunkan para belia dari seluruh rantau ASEAN untuk memupuk persefahaman antara budaya, kerjasama, dan kepimpinan melalui aktiviti akademik, khidmat masyarakat, dan dialog mengenai cabaran global.

Mengangkat tema bagi tahun 2025, iaitu 'Green Stewardship : Preserving Biodiversity and Advancing Sustainable Development', adalah selaras dengan salah satu objektif Program Pendedahan Bakat bagi World Bank dalam meningkatkan kesedaran tentang hala tuju pembangunan mampan serta menggalakkan penglibatan belia dalam institusi global yang menerajui matlamat berkenaan.

Landasan berkenaan penting untuk menanai rasa tanggungjawab dan membina kemahiran yang diperlukan dalam kalangan belia AUN bagi menyumbang kepada usaha serantau dan global untuk menangani isu seperti perubahan iklim, kehilangan biodiversiti dan pertumbuhan lestari.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Dr. Haji Azman dalam ucapannya menekankan kepentingan untuk mengembangkan bakat bagi ekonomi yang dinamik dan mampan, yang mana inisiatif seperti program berkenaan adalah penting dalam memberikan pendedahan global dan persediaan dari segi kompetensi kepada belia tempatan ke arah mendukung Wawasan Brunei 2035.




SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Program Pendedahan Bakat bagi World Bank.

Dengan tema 'Memperkasa Bakat SEAVG Untuk Pembangunan Global', program berkenaan menjadi landasan strategik untuk memperkenalkan laluan kerjaya di World Bank kepada para belia dan profesional. Antara peluang-peluang yang dikongsikan adalah termasuk Young Professionals Program (YPP), Program Junior Professional Associate (JPA), serta peluang latihan industri yang kompetitif dalam institusi berkenaan.

Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengarah Eksekutif mewakili SEAVG di World Bank, Dr. Wempi Saputra, diikuti dengan taklimat kerjaya yang komprehensif dan panduan praktikal daripada Pakar Kanan Sumber Manusia, Anna Katarina Frick dan Rakan Niaga Sumber Manusia Kanan, Paniti Chuenrudeemol.

Sesi berkenaan mengongsikan maklumat dan memberikan bimbingan yang berkaitan dengan proses permohonan dan pengambilan pekerja ke dalam World Bank serta memperkenalkan pelbagai laluan penyertaan seperti latihan industri, program awal kerjaya dan peluang jawatan konsultan.

Selain daripada mempromosi inisiatif dan peluang-peluang di institusi berkenaan, program tersebut turut menekankan kemahiran baharu di dalam bidang-bidang seperti transformasi digital, tindakan iklim, dan kewangan antarabangsa dengan bidang-bidang yang dikenal pasti akan memainkan peranan kritikal untuk masa depan pembangunan global.

Jumlah penyertaan yang tinggi dan penglibatan aktif daripada para pelajar, pencari kerja, dan profesional dari Institusi Pengajian Tinggi di NBD serta negara-negara anggota SEAVG mencerminkan minat yang semakin meningkat terhadap peluang kerjaya antarabangsa dan kerjasama rentas sempadan di rantau ini.







## Jom semak bagaimana bangkit semula bila gagal

- Terima kegagalan dengan hati terbuka. Jangan nafikan atau menyalahkan orang lain. Akui kegagalan itu kerana ia adalah langkah pertama untuk berubah.
- Kenal pasti punca kegagalan. Tanya diri sendiri: Adakah kurang ulang kaji? Tidak faham topik? Tidak cukup masa? Kenal pasti punca untuk perbaiki.
- Ubah strategi belajar. Kalau cara lama tidak berkesan, cuba teknik baharu. Contohnya: belajar dalam kumpulan, guna video pembelajaran atau buat nota bergambar.
- Percaya diri dan jangan putus asa. Kegagalan bukan penamat. Ia cuma jalan singgah. Ramai orang berjaya pernah gagal tetapi mereka bangkit dan teruskan.
- Buat sekarang, bukan nanti! Tetapkan semula matlamat yang lebih realistik dan boleh dicapai. Jangan tunggu lagi, teruskan buat sahaja sesuatu yang baharu. Jangan terlalu fikirkan kegagalan yang lepas.
- Cari sokongan. Jangan takut minta bantuan daripada guru, rakan atau ibu bapa. Mereka mungkin boleh beri panduan yang berguna.

Nota : Dengan pendekatan yang positif dan tekad untuk terus maju, pelajar boleh bangkit semula dengan lebih kuat dan berjaya. Teruskan berusaha dan maju ke hadapan!

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
II (II & III) sahaja

**Kategori:**
KA01 Sahaja – Kod Baharu

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DDS 019 / 2025 – (CDE).T.II

**Nama Projek:**
Menaik Sistem Saliran Di Spg 665, Kg Lumapas

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
BND5.00

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
22 Julai 2025.
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang.

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
III Atau IV Atau V

**Kategori:**
E01

**Tarikh Tutup:**
Selasa.
8 Julai 2025.

**Bilangan Projek :**
JKR / DME / BOP-EM / 21 / 2025

**Nama Projek:**
Kontrak Penggal Bagi Operasi Dan Kerja-Kerja Pemeliharaan Elektrikal Bagi Bangunan-Bangunan Kerajaan Di Jalan Menteri Besar (Zon 'B'), Berakas, Lambak, Muara Dan Kediaman VVIP (Zon 'E'), Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Yuran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :**
Terbuka

**Kategori :**
KPB11A & KPB11B
Kod Baharu

**Yuran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DTS / 12 / STE / 2025-T / III

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Membaikpulih Struktur Dan Pengukuhan Struktur Tiang-Tiang Konkrit Di Sekolah Rendah Saba Darat – (Fasa 3)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
22 Julai 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Sebut Harga:**
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN / 3 / 2025-2026

**Tajuk Sebut Harga:**
Membekalkan Plak Cenderahati Kenangan Bagi Pesara-Pesara Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan Serta Jabatan-Jabatan Dibawahnya Pada Tahun 2024

**Tarikh Buka Sebut Harga:**
9 Jun 2025, Sabtu.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
10 Julai 2025.
Khamis, Jam 2.00 Petang.

**Tarikh Taklimat (jika berkenaan):**
9 Jun 2025, Isnin.
Jam semasa waktu bekerja

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

**Bilangan Sebut Harga:**
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 01 / 2025-2026

**Tajuk Sebut Harga :**
To Supply, Deliver And Install Workstations At Ministry Of Primary Resources And Tourism

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
26 Jun 2025, Khamis.
Jam 2.00 Petang.

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga:**
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI

**Tajuk Tawaran :**
Provision Of Consultancy Services To Support Solar Development In Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa, 8 Julai 2025.
2.00 Petang.

Maklumat lanjut mengenai Skop Tawaran, Kriteria Kelayakan dan Yuran boleh didapati melalui laman sesawang rasmi Jabatan: https://www.energy.gov.bn

Tarikh tutup tawaran adalah pada **Selasa, 8 Julai 2025, 2.00 Petang.**

**Tatacara Pendaftaran**
Para penender yang berminat hendaklah mendaftar dengan menghantar e-mel kepada Unit Tenaga Yang Boleh Diperbaharui, di bawah Bahagian Peralihan Tenaga, Jabatan Tenaga iaitu renewable.energy@energy.gov.bn dengan tajuk e-mel: **Provision Of Consultancy Services To Support Solar Development In Brunei Darussalam**

PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan Tawaran:**
PPN / ASSET / BUUMM / CONTRACT / 2025 / 6 / 1

**Tajuk Tawaran :**
Term Contract (12) Months For Cleaning And Housekeeping Works Of The Law And Court Building, Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
24 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / TU / TA / 01
Pembelian SOP (Standard Operating Procedure) Untuk Tentera Udara Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, **iaitu Isnin, 23 Jun 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 1 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
11 / JS / A / 6 / 2008 PT.9
**Pelan Takaful Keluarga Berkelompok Bagi Pegawai Penguatkuasa Undang-Undang Jabatan Hal Ehwal Syar'iah Kementerian Hal Ehwal Ugama Bagi Tempoh Mulai 1 Julai 2025 Hingga 31 Disember 2026**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu,
6 Muharram 1447H
2 Julai 2025M
Jam 2.00 Petang.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**Sebut Harga Bagi**
Perkhidmatan Penyewaan Dan Penyelenggaran Landskap Di Dalam Bangunan Bagi Tempoh 2 Tahun, Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam

**Rujukan Tawaran:**
KP(MC) SUT / 6.12 / ASSET / 02 / 2025

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
25 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Dibukakan Kepada Kontraktor Kelas IV & V Dan Kategori B01**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**
KHEU / BDP / LTK / 001 / 2025
Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Religious Schools in Tutong District and Belait District, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**
KHEU / BDP / LTK / 002 / 2025
Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Religious Schools in Zone IV Within Brunei Muara District and Temburong District, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**
KHEU / BDP / LTK / 003 / 2025
Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Religious Schools in Zone I And Zone IIA Within Brunei Muara District, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**
KHEU / BDP / LTK / 004 / 2025
Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Religious Schools in Zone I And Zone IIB Within Brunei Muara District, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**
KHEU / BDP / LTK / 005 / 2025
Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Ma'had Islam Brunei, Daerah Tutong & Sekolah Arab Belait, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**
KHEU / BDP / LTK / 006 / 2025
Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah (STA HB) and Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SA RIPAD), Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**
KHEU / BDP / LTK / 007 / 2025
Three (3) Years Term Contract for Comprehensive Maintenance of Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kg Rimba, Negara Brunei Darussalam.

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
8 Julai 2025.
2.00 Petang.

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Tawaran:**
KK / 135 / 2025 / JPKAS

**Keterangan:**
Replacement Of Existing DX-AHU C/W Air Cooled Condensing Units And Associated Components At Pejabat Kesihatan, Kuala Belait

**Eligibility for Tenderers:**
Registered with Ministry of Health and Ministry of Development

**Kelas :**
II and Above

**Kategori :**
M01 and E01

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 136 / 2025 / ESTETRIPASH

**Keterangan:**
The Supply, Install, Testing, Commissioning And Comprehensive Maintenance Of A Nurse Call System At Women And Children Centre, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

**Eligibility for Tenderers:**
Registered with Ministry of Health and Ministry of Development

**Kelas :**
III and / or Above

**Yuran Tawaran:**
BND 100.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 137 / 2025 / ESTETRIPASH (TC)

**Keterangan:**
Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Vacuum Pump And Associated Accessories At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

**Eligibility for Tenderers:**
Registered with Ministry of Health and Ministry of Development

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 138 / 2025 / HTD

**Keterangan:**
Supply. Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Pediatric Multiparameter Monitor Complete With Central Monitoring System For Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND 500.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 139 / 2025 / HTD

**Keterangan:**
Provision Of Ultrasound Systems For Radiology Department, Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND 500.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 140 / 2025 / SSBH(TC)

**Keterangan:**
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance And Repair Of Generator Set At Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

**Eligibility for Tenderers:**
Registered with Ministry of Health and Ministry of Development

**Kelas :**
II and Above

**Kategori :**
M03, E01, E02, E03 and KPME03 [Kontraktor Yang Pakar Dalam Menyediakan Perkhidmatan Penyelenggaraan]

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 141 / 2025 / SSBH(TC)

**Keterangan:**
To Supply And Deliver Of Consumables Items For Podiatry Unit, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 145 / 2025 / DSS

**Keterangan:**
To Supply, Deliver, Install And Commissioning Two (2) Units Of Alternate Light Source Forensic Imaging Device For Forensic Biology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry of Health

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Tarikh Tutup:**
24 Jun 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

## JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Tawaran:**
JPi / 03 / 2025

**Tajuk:**
To Supply And Delivery One (1) Unit SUV Motor Vehicle To Department Of Fisheries

**Tarikh Tutup:**
22 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

## JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membekal, Membuka Dan Mengganti Baharu Pendingin Hawa Di Bangunan Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria, Jalan Mckerron Kuala Belait**
15 / BBS / SH / BKA / 2025-2026
(Kelas I dan II Kategori M01)

**Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Tandas Dan Lampu Elektrik Pada Sinta Yang Rosak Serta Pendawaian Pada Bangunan Bumiputera Seria, Jalan Lorong Bunga Melor Seria.**
17 / BBS / SH / BKA / 2025-2026
(Kelas I dan II Kategori M01)

**Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Pada Pondok-Pondok Taman Jubli Perak Kuala Belait, Jalan Maulana Kuala Belait**
16 / BBS / SH / BKA / 2025-2026
(Kelas I dan II Kategori B01)

**Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Serta Mengecat Bangunan Pada Pejabat Pengurusan Letak Kereta Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria Cawangan Seria, Jalan Lorong Bolkiah Seria**
18 / BBS / SH / BKA / 2025-2026
(Kelas I dan II Kategori KA01)

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
1 Julai 2025.

**Waktu Kaunter Pembayaran**
Isnin – Khamis
8.00 Pagi – 12.00 Tengah Hari
1.30 Petang – 3.00 Petang

Sabtu
8.00 Pagi – 10.00 Pagi

Tutup pada Jumaat, Ahad dan Hari-Hari Kelepasan Awam

## JABATAN UKUR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**
JUA 01 / 2025
Permohonan Penyimpanan Tanah Kerajaan Untuk Tapak Tambahan Ternakan Udang Laut, Di Kampung Keramut, Mukim Telisai, Daerah Tutong, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**
BND10.00

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**
JUA 02 / 2024
Permohonan Penyimpanan Tanah Kerajaan Untuk Tapak Projek Pertanian Bagi Lot 82001, Kampung Wasan, Mukim Pangkalan Batu

**Yuran Tawaran :**
BND50.00

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**
JUA 03 / 2024
Permohonan Penyimpanan Tanah Kerajaan Untuk Tapak Projek Pertanian Bagi Kampung Junjongan, Mukim Pangkalan Batu

**Yuran Tawaran :**
BND100.00

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
8 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

## PUSAT SEJARAH BRUNEI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
1 / JUN / 2025 / PSB / PD.575 :
Mencetak, Membekal Dan Menghantar Buku, Jurnal Dan Majalah Terbitan Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
Rabu,
2 Julai 2025.
Jam 3.30 Petang.

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran:**
JKP / SH / 2025-2026 / 11

**Tajuk Tawaran:**
Production Of Self-Drive Tourism Brochure

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis, 26 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / PSP / 085 / 2024

**Tajuk Kerja:**
Pengukuhan Sistem Rangkaian 11kv Di Kawasan Kampung Tanah Jambu.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
24 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

**Harga Dokumen:**
BND500.00

**Tempat Tutup:**
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

**Kelayakan:**
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan **dalam Kelas IV, V atau VI sahaja, dalam Kategori E03 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E03.**

Dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari **Unit Tawaran, Tingkat Empat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Tenaga.**

---

**JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran:**
JPi / 03 / 2025

**Tajuk:**
To Supply And Delivery One (1) Unit SUV Motor Vehicle To Department Of Fisheries

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 22 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Bilangan dan Tajuk:**
MINDEF / DFA / FY2025 / MAB / TA / 02
Pembelian Membaharui Lesen Bagi Perisian Recorded Future
(3 Years License Renewal)

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Terakhir Bagi Pembelian Borang Tawaran** Adalah **seminggu** sebelum Tarikh Tutup Tawaran iaitu **Selasa, 17 Jun 2025.**

**Rujukan Bilangan dan Tajuk:**
MINDEF / DFA / FY2025 / MAB / TA / 03
Pembelian Membaharui Lesen Bagi Patch Management
(3 Years License Renewal)

**Rujukan Bilangan dan Tajuk:**
MINDEF / DFA / FY2025 / MAB / TA / 04
Pembelian Membaharui Lesen Bagi Vulnerability Scanner
(5 Years License Renewal)

**Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
24 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

---

**JPh JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Pemberitahuan Invitation For Expression Of Interest (EOI)**

**Nombor Rujukan**
JPH / SH / EOI / 2550 / 2025 - 2026

**Tajuk**
Invitation For Expression Of Interest (EOI) Bagi Projek Invest In Establishment Of Crocodile Rescue Estate In Brunei Darussalam

**Tarikh Buka Tawaran:**
Isnin,
26 Mei 2025.

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Isnin,
30 Jun 2025.

**Tarikh Tutup:**
Khamis,
31 Julai 2025.

---

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Rujukan Tawaran:**
KP(MC)SUT / 6.12 / ASET / 01 / 2025

**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pembersihan Dalam Dan Luar Bangunan Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi Jalan Menteri Besar Bagi Tempoh 1 Tahun**

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
25 Jun 2025.

**Dan dihantar kepada:-**
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Tingkat Bawah, Peti Sebut Harga
Jalan Menteri Besar BB3910
Negara Brunei Darussalam

---

**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Rujukan Iklan:**
CCTVUPER / 2025 / JAPEM / RB / 2

**Tajuk Iklan:**
The Proposal, Installation, Configuration, Commissioning, Testing, Training And Maintenance Of CCTV Surveillance System At Rumah Perlindungan Kompleks Rumah Kebajikan Subok, Jabatan Pembangunan Masyarakat

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
24 Jun 2025.

---

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Keterangan Projek:**
Three (3) Years Term Contract Maintenance And Servicing Air Conditioning Units For Municipal Building Kuala Belait And Seria

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
BBS / TOC / MSAU / KBS / 2025-2028

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
24 Jun 2025.
jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**
JDBM / Q / 08 / 2025

**Tawaran:**
Kerja-Kerja Memasang Baru Fingertec Security Bertempat Bahagian Perlesenan Dan Penguatkuasaan Tingkat 2, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Tawaran:**
JDBM / Q / 37 / 2025

**Tawaran:**
Kerja-Kerja Memasang Lampu Solar Bertempat Tapak Gerai Jualan Jalan 17, RPN Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B', Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Tawaran:**
JDBM / Q / 39 / 2025

**Tawaran:**
Kerja-Kerja Membaiki Gutter Dan Atap Bertempat Pasar Pantai Jerudong, Mukim Sengkurong, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Tawaran:**
JDBM / Q / 42 / 2025

**Tawaran:**
Rental Of Arabic Tent And Scallop Bagi Majlis Menaikkan Dan Pengagihan Bendera Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-79 Bagi Tahun 2025

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 24 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN BANDARAN TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**
JBT / S / 08 / 2025 - 2026

**Tajuk Tawaran:**
Tawaran Bagi Penyewaan Ruang-Ruang Gerai Di Bangunan Milik Jabatan Bandaran Tutong

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu, 25 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

# PROGRAM BANTU BELIA BINA KETAHANAN DIRI

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



TIMBALAN Pengarah Urusan YSHHB dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Sekolah YSHHB, Awang Haji Abdullah@Dollah bin Haji Ahad menyempurnakan perasmian program berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Jun. - Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB) dengan kerjasama UNI Clinic dan International Commission for the Prevention of Alcoholism and Drug Dependency (ICPA) mengadakan Program Youth Alive selama tiga hari bermula hari ini, bertempat di Dewan Serbaguna, sekolah berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan perasmian program berkenaan ialah Timbalan Pengarah Urusan YSHHB dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Sekolah YSHHB, Awang Haji Abdullah@Dollah bin Haji Ahad.



PEMBENTANG plenari dan fasilitator bengkel, Dr. Ma Rizaline C. Alfanoso.

Program berkenaan dihadiri oleh pelajar Tahun 7 hingga Tahun 11, menampilkan pembentang plenari dan fasilitator bengkel yang terdiri daripada Dr. Ma Rizaline C. Alfanoso, Dr. Jane Botabara-Yap, Hazel Ginajil, Allan Yap dan Ann Tan.

Program Youth Alive di bawah naungan ICPA direka oleh profesional kesihatan untuk membantu belia membina ketahanan diri melalui pelbagai aktiviti, sambil mengukuhkan persahabatan dan hubungan sosial.

Para peserta akan menyertai sesi perkumpulan, bengkel, pembentangan berkumpulan serta permainan perpaduan yang menangani isu-isu semasa seperti ketagihan, kemurungan, kesihatan mental dan fizikal, serta hubungan sosial.

Aktiviti pada hari pertama merangkumi sesi pembukaan, perkongsian oleh para pembentang dan bengkel.

Hari kedua dan ketiga pula menampilkan lebih banyak sesi pleno, aktiviti perkumpulan, serta pembentangan berkumpulan sebelum berakhir dengan majlis penutupan.

Program Youth Alive diharapkan dapat memberikan impak positif kepada belia tempatan dalam membuat pilihan yang tepat untuk masa depan mereka.





PROGRAM Youth Alive di bawah naungan ICPA direka oleh profesional kesihatan untuk membantu belia membina ketahanan diri melalui pelbagai aktiviti, sambil mengukuhkan persahabatan dan hubungan sosial (atas dan bawah).

# MINDA PEMBACA

## Keberkesanan pembelajaran digital

PERKEMBANGAN teknologi pasca pandemik telah mencetus perubahan yang besar dalam hidup termasuk dunia pendidikan. Kini, proses pengajaran dan pembelajaran boleh dibuat di dalam talian dengan menggunakan teknologi digital seperti telefon bimbit atau komputer. Kaedah ini dipanggil sebagai pembelajaran digital yang telah merubah norma pembelajaran konvensional, pembelajar formal tidak lagi terikat dengan empat dinding bilik darjah. Transformasi ini membawa banyak kemudahan yang menjadikannya semakin relevan. Namun demikian, tahap keberkesanan pembelajaran digital dipersoalkan. Dalam menilai tahap keberkesanannya memerlukan penelitian yang menyeluruh terhadap kelebihan dan kelemahan yang wujud dalam pelaksanaannya.

Salah satu kelebihan pembelajaran digital ialah pelajar boleh mengakses bahan pembelajaran pada bila-bila masa dan dari mana-mana tempat. Dengan hanya berbekalkan internet pelajar dapat menuntut ilmu atau mengulang kaji dengan sendiri tanpa menunggu waktu persekolahan. Ini membuka ruang untuk pembelajaran yang fleksibel dan kebebasan untuk mengatur ritma penguasaan ilmu. Kesannya, pelajar tidak bergantung sepenuhnya kepada guru untuk memahami sesuatu topik, sebaliknya mereka boleh terus mencari penjelasan melalui pelbagai sumber dalam talian yang memberikan jawapan secara cepat dan nyata seperti Chatgpt, Google, YouTube dan lain-lain. Selain itu, penggunaan digital juga dapat memvariasikan bahan pembelajaran dalam bentuk video dan kuiz yang menjadikannya lebih menarik dan interaktif.

Namun begitu, pembelajaran digital juga membawa cabaran yang tidak boleh dipandang ringan. Keberkesanannya amat bergantung kepada pengguna itu sendiri. Pelajar hendaklah memiliki disiplin yang tinggi agar tidak terjebak dalam gangguan digital seperti sosial media dan permainan dalam talian. Disiplin yang tinggi mencerminkan tahap kematangan dan tanggungjawab pelajar terhadap proses pembelajaran mereka sendiri. Dalam pembelajaran digital, tidak ada siapa yang memaksa mereka untuk menghadiri kelas maya atau menghantar tugasan tepat waktunya, semuanya bergantung kepada diri sendiri.

Kesimpulannya, pelajar hendaklah bijak dalam memanfaatkan sepenuhnya kemudahan teknologi digital dalam proses pembelajaran. Kaedah ini memberikan potensi besar dalam meningkatkan kualiti pendidikan di Negara Brunei Darussalam, di mana semua dapat mengakses pendidikan dengan mudah.

**Nama : Abdul Manaf bin Abu Bakar Sidek**
**No. K/P : 01-127XXX**


## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**
1. **'Peranan Usahawan Muda dalam Meningkatkan Ekonomi Negara'.** Tarikh Tutup : **18 Jun 2025**
2. **'Bagaimana AI Mengubah Landskap Pekerjaan Masa Depan'.** Tarikh Tutup : **25 Jun 2025**
3. **'Mengurus Masa, Tekanan Dalam Dunia Serba Pantas'.** Tarikh Tutup : **2 Julai 2025**

Terma dan Syarat :
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
**3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :**
**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# 2 PRODUK KESIHATAN DICEMARI BAHAN TERLARANG

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Jun. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan dua produk kesihatan kerana hasil daripada ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa produk-produk berkenaan dicemari dengan bahan racun berjadual yang tersenarai dalam Akta Racun 1956 yang tidak diisytiharkan.

Produk-produk kesihatan berkenaan ialah Sea Dragon Sea Horse Zhiyang Wan yang dicemari Dexamethasone, Betamethasone, Chlorpheniramine, manakala Xiang Li Xin Gang Bi Min Kan Wan pula dicemari Dexamethasone, Betamethasone, Chlorpheniramine.

Bahan pencemar dalam produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Chlorpheniramine digunakan untuk melegakan gejala-gejala alahan yang mempunyai beberapa kesan advers termasuk berasa mengantuk, pening, kelemahan otot, tekanan darah menurun, kabur penglihatan, mulut kering, kemurungan dan denyutan jantung tidak menentu.

Manakala, penggunaan kortikosteroid Dexamethasone dan Betamethasone secara berpanjangan tanpa pengawasan boleh menyebabkan peningkatan paras glukosa dalam darah yang mengakibatkan penyakit kencing manis, tekanan darah tinggi, katarak, penyakit otot dan tulang, serta meningkatkan risiko jangkitan yang teruk.

Penggunaan kortikosteroid dalam jangka panjang juga boleh mengakibatkan 'Cushing Syndrome' yang ciri-cirinya adalah seperti muka bulat atau *moon face* serta kegemukan di bahagian badan yang atas dengan anggota kaki dan tangan yang kecil.

Para pengguna yang telah mengambil dos steroid yang tinggi dalam tempoh masa yang lama mungkin mengalami gejala yang termasuk keletihan, sakit otot dan sendi, demam, kadar gula dalam darah yang rendah, tekanan darah yang rendah dan dehidrasi.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan bagi penjualan produk-produk berkenaan. Berikutan dapatan tersebut, produk-produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah membeli atau memakan produk-produk berkenaan adalah dinasihatkan untuk memberhentikan pengambilannya dengan serta-merta. Jika mereka mengalami kesan advers dan berasa tidak sihat selepas memakan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Bagi mereka yang terlibat dalam penjualan produk-produk berkenaan, termasuk penjualan secara dalam talian seperti melalui Facebook dan sebagainya adalah diingatkan bahawa ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Racun 1956 untuk menjual mana-mana produk yang mengandungi bahan yang dikawal di bawah Akta berkenaan dan boleh dikenakan denda sebanyak BND8,000 atau penjara enam bulan, jika didapati bersalah.

Tambahan pula, jika seseorang melakukan sesuatu di atas kecuaiannya sendiri yang membahayakan atau mungkin membahayakan nyawa manusia, jika didapati bersalah, akan didenda sebanyak BND16,000 dan 12 bulan penjara.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama daripada orang ramai untuk melaporkan kepada Bahagian Komplians dan Perlesenan jika mendapati produk-produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan melalui talian telefon +673 2393301 sambungan 208, atau e-mel kepada *pharmacy.enforcement@moh.gov.bn* atau berjumpa terus Pegawai Komplians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A', atau hubungi Talian Darussalam 123.





**PRODUK-produk dicemari dengan bahan racun berjadual yang tersenarai dalam Akta Racun 1956 yang tidak diisytiharkan (atas kanan dan kiri).**

# Sentiasa pantau hal ehwal kebajikan pekerja



**BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh menjalankan Operasi Waspada 113/2025.**

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Jun. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Waspada 113/2025 di Kampung Menglait pada 10 Jun 2025, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan menjual kereta telah mendapati sebanyak dua kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan iaitu Bab 82 Majikan gagal menyediakan alat pertolongan cemas dan Bab 91 Majikan gagal membayar penuh hak cuti bersalin mengikut peraturan yang telah ditetapkan di mana pekerja wanita yang sewaktu menjalani tempoh cuti bersalin hanya dibayar separuh daripada cuti bersalin tersebut.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti menyediakan alat pertolongan cemas di premis-premis dan membayar hak cuti bersalin bagi pekerja-pekerja tempatan dan asing mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Untuk makluman lebih lanjut, bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



# MEMPERKENALKAN MANUSKRIP ISLAM SEBAGAI PENGHUBUNG ILMU, BUDAYA ISLAM

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit**



**SIDANG Media bagi Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025 (International Conference on Islamic Manuscripts 2025 - ICIM2025).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 17 Jun. - Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025 (International Conference on Islamic Manuscripts 2025 - ICIM2025) merupakan persidangan antarabangsa yang julung-julung kalinya diungkayahkan oleh Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Persidangan berkenaan akan berlangsung selama empat hari bermula 21 hingga 24 Jun 2025, bertempat di BKISHHB.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Kurator Arkeologi, BKISHHB, Dayang Hajah Nur Kamilah binti Haji Ismail, selaku Setiausaha Bersama ICIM2025 semasa berucap di Sidang Media bagi ICIM2025 yang berlangsung di Dewan Persidangan, BKISHHB, Bandar Seri Begawan, di sini.

Dayang Hajah Nur Kamilah dalam ucapannya seterusnya menjelaskan persidangan berkenaan adalah sebagai salah satu pengisian di bawah Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2025 (Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2025 - Brunei MYCE 2025) kelolaan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Dengan tema 'Manuskrip Islam : Jambatan Antara Masa Lalu dan Masa Depan' tambahnya, persidangan berkenaan bertujuan untuk memperkenalkan kepentingan manuskrip Islam sebagai penghubung antara ilmu dan budaya Islam dahulu dengan generasi masa kini dan akan datang.

Beliau juga menjelaskan ia juga bertujuan untuk meningkatkan pemahaman mengenai manuskrip Islam yang kekal relevan, selain menarik minat generasi muda untuk mengkaji manuskrip Islam dan memperkenalkan cara baharu dalam pendidikan menggunakan manuskrip Islam bagi melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak dan tahan uji.

"Persidangan serta sesi-sesi pembentangan selari akan dilaksanakan dalam tiga bahasa iaitu, bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

"ICIM2025 telah membukakan '*Call for Papers*' seawal Februari yang lalu dan telah menerima lebih daripada 100 abstrak yang ditapis dan diteliti oleh Jawatankuasa Akademik dan Penilaian Kertas Kerja yang terdiri daripada ahli akademik dari UBD, UNISSA dan KUPU SB.

"Para pembentang terpilih yang akan mengikuti persidangan ini terdiri daripada pakar-pakar, ahli akademik, tenaga akademik, pengkaji dan penyelidik dari dalam dan luar negara merangkumi negara-negara dari Asia Tenggara, Timur Tengah dan Eropah," ujarnya lagi.

Dayang Hajah Nur Kamilah seterusnya mengongsikan Majlis Perasmian ICIM2025 akan diadakan pada Sabtu, 21 Jun 2025 bermula jam 10.00 pagi.

Majlis perasmian berkenaan terangnya lagi, akan turut menampilkan pembentangan ucaptama daripada tokoh ilmuwan tempatan, iaitu pakar dalam bidang filologi penyelidikan manuskrip, Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah.

Persidangan berkenaan jelasnya, turut menampilkan pembentang-pembentang jemputan antarabangsa, iaitu Yang Berbahagia Dato' Dr. Annabel Teh Gallop dari British Library; Dr. Madian Hamed Abdul Hady Mahmoud dari Fayoum University, Mesir; Dr. Noriah@Jariah binti Mohamed dari Yayasan Karyawan Malaysia.

Selain daripada sesi pembentangan kertas-kertas kerja semasa persidangan berkenaan, beliau seterusnya menerangkan sesi bengkel juga turut dijadualkan pada Selasa, 24 Jun 2025, iaitu dengan tajuk 'Quran Manuscripts from Southeast Asia : Regional Styles of Decoration' yang dikendalikan oleh Yang Berbahagia Dato' Dr. Annabel Teh Gallop, 'Techniques and Methods for Dating, Chronology and Detecting Forgery and Counterfeiting of Islamic Documents and Manuscripts' dan 'Scientific Bases of Investigation, Analysis and Deterioration (Degradation Damage) Measurements of Documents, Manuscripts and Historical Records' yang dikendalikan oleh Dr. Madian Hamed Abdul Hady Mahmoud, serta Transliterasi Teks yang dikendalikan oleh Dr. Noriah@ Jariah.






# ALAI PINTAR

SOALAN 151

## SOALAN 18 JUN 2025, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan

1. Negara Brunei Darussalam mempunyai empat daerah. Daerah manakah yang bergelar Permata Hijau?
   a) Daerah Temburong
   b) Daerah Brunei dan Muara
   c) Daerah Belait
2. Badudun bermaksud?
   a) Berjalan-jalan di pasar raya
   b) Melawat ke luar negara
   c) Menziarahi atau bertandang ke rumah sanak saudara
3. 16 + 7 + 508 = ________.
   a) 513
   b) 531
   c) 533

**TARIKH TUTUP : 30 JUN 2025**

## SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - **Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama,Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.**
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 7293554** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : ..................................................
Tarikh Lahir : ..................................................
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ..................................................
Sekolah : ..................................................
Tahun : ..................................................
Alamat : ..................................................
..................................................
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : ..................................................

## HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER SAMIMA SDN BHD BERNILAI **BND40.00**

### PEMENANG ALAI PINTAR 150

Nama : Nurul Afiqah binti Abdul Azim
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0149223-01. Sekolah : Sekolah Rendah Bendahara Lama, Kluster 1

Nama : Muhammad Luthfil Hafizul bin Luthfir Rahman
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0127429-01. Sekolah : Sekolah Al-Falaah, Kampung Sungai Akar

Nama : Syafiee Irsyad bin Rafiuddin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0125090. Sekolah : Sekolah Rendah Rimba 3

### JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 150

1. C - Temburong
2. B - Seria
3. A - Kawan-kawan yang sama umur



# Mengisi cuti sekolah dengan aktiviti berfaedah

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

CUTI persekolahan sering kali dianggap sebagai tempoh rehat sepenuhnya daripada aktiviti akademik. Namun begitu, sekiranya tempoh ini tidak dimanfaatkan dengan baik, ia boleh menjadi ruang untuk berlakunya pembaziran masa dan peningkatan gejala sosial dalam kalangan remaja. Oleh itu, cuti sekolah perlu dirancang dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah agar masa terluang dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Perancangan yang baik membolehkan pelajar mengimbangi antara rehat dan aktiviti bermanfaat. Cuti sekolah yang dirancang rapi dapat membantu pelajar mengisi masa dengan aktiviti yang menyeronokkan tetapi juga membina seperti menghadiri bengkel kemahiran, membaca buku, menyertai aktiviti sukan atau menolong ibu bapa di rumah. Tanpa perancangan, masa cuti boleh berlalu tanpa sebarang manfaat malah boleh menjurus kepada gejala negatif seperti ketagihan gajet, melepak atau tidur berlebihan.

### Menyusun jadual harian cuti dengan teratur

Langkah pertama dalam merancang cuti sekolah ialah menyediakan jadual harian. Walaupun tidak seketat jadual persekolahan, pelajar boleh menetapkan waktu tertentu untuk aktiviti seperti membaca, solat, bersenam, membantu kerja rumah, menonton televisyen dan tidur. Jadual ini membantu melatih disiplin diri dan memupuk rasa tanggungjawab terhadap pengurusan masa.

Terdapat pelbagai aktiviti berfaedah yang boleh dimasukkan dalam jadual cuti. Antaranya ialah menyertai kelas dalam talian di mana pelbagai kursus yang tersedia secara digital termasuk kelas memasak, melukis, mengaji dan sebagainya. Selain itu, pelajar juga boleh meluangkan masa untuk membaca buku yang mana dapat membantu menambah pengetahuan dan melatih cara mereka berfikir dengan lebih terbuka.

Cuti juga adalah masa yang terbaik untuk kita memperkukuh amalan agama seperti menghadiri kuliah di masjid, membaca Al-Quran atau solat berjemaah bersama keluarga. Pelajar juga digalakkan untuk melibatkan diri dalam kerja sukarelawan seperti bergotong-royong atau kerja amal.

### Peranan ibu bapa, guru

Ibu bapa berperanan besar dalam membantu anak-anak merancang cuti sekolah. Mereka boleh mencadangkan aktiviti, menyediakan kemudahan dan memberi galakan kepada anak-anak. Ibu bapa juga boleh menjadi contoh dengan menunjukkan cara mereka mengurus masa lapang secara bijak. Guru pula boleh memberi tugasan ringan atau cadangan bacaan untuk memastikan pelajar terus kekal aktif secara akademik sepanjang cuti sekolah dan tidak melupakan pelajaran yang telah dipelajari. Dengan ini, pelajar dapat mengisi masa lapang dengan aktiviti yang bermanfaat serta bersedia untuk menghadapi sesi persekolahan yang akan datang dengan lebih yakin dan bersemangat.

### Mengelakkan pengaruh negatif

Sekiranya cuti tidak diurus dengan baik, pelajar mungkin menghabiskan terlalu banyak masa dengan gajet seperti telefon pintar dan komputer. Ini boleh menyebabkan ketagihan media sosial, kurang interaksi sosial secara fizikal, ketagihan permainan video, gangguan tidur dan kesihatan mental yang terjejas seperti sering bersendirian dan berhalusinasi.

Oleh itu, ibu bapa perlu sentiasa memantau aktiviti anak-anak semasa cuti bagi memastikan mereka tidak terlibat dalam perkara yang melalaikan atau negatif serta dapat membimbing mereka memilih aktiviti yang berfaedah seperti membaca, bersukan atau menyertai program kemasyarakatan. Dengan pemantauan dan sokongan berterusan, ibu bapa dapat membantu membentuk anak-anak yang seimbang dari segi akademik, emosi dan sosial.

Selain itu, aktiviti riadah dan sukan juga amat penting dalam memastikan keseimbangan antara kesihatan fizikal dan mental pelajar terjaga dengan baik. Aktiviti seperti berjoging, berbasikal, bermain badminton atau bola sepak bukan sahaja membantu mengekalkan kecergasan tubuh badan malah dapat melatih disiplin diri dan kemahiran bekerjasama dalam kalangan pelajar. Sukan juga mampu mengajar pelajar tentang semangat kesukanan, daya saing yang sihat serta cara menguruskan masa dengan baik.

Selain bersukan, para pelajar juga boleh mengambil peluang cuti sekolah untuk menjana pendapatan melalui aktiviti keusahawanan kecil-kecilan. Contohnya, menjual makanan ringan, minuman atau kraf tangan buatan sendiri sama ada menjualnya secara fizikal atau dalam talian. Aktiviti seperti ini bukan sahaja dapat menambah pendapatan, bahkan memberikan pengalaman berharga untuk mereka. Cuti sekolah juga merupakan masa yang tepat untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan. Dalam kesibukan rutin harian semasa persekolahan, masa bersama keluarga sering kali terhad. Justeru, aktiviti seperti berkelah di pantai, melancong dalam negara, memasak bersama atau sekadar berbual mesra dapat memperkukuhkan kasih sayang antara keluarga.

### Kesimpulan

Kesimpulannya, cuti sekolah bukan sekadar waktu untuk berehat tetapi merupakan peluang berharga untuk mengasah bakat, membina kemahiran, mengeratkan hubungan bersama keluarga dan mempelajari sesuatu yang baharu. Dengan pengisian aktiviti yang teratur dan berfaedah, masa cuti bukan sahaja dapat dimanfaatkan sepenuhnya tetapi turut memberi impak positif terhadap perkembangan pelajar. Oleh itu, ibu bapa, guru dan masyarakat perlu memainkan peranan dalam membimbing dan menyokong pelajar agar cuti sekolah diisi dengan aktiviti-aktiviti bermanfaat supaya pelajar akan menjadi lebih rajin, pandai berdikari dan bersedia untuk kembali ke sekolah dengan semangat yang baharu.



INFO Teknologi



# Perkembangan, inovasi teknologi bunyi

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Freepik

**Pendahuluan**

**EVOLUSI** teknologi bunyi mempunyai perjalanan menarik yang mencerminkan usaha manusia untuk mengembangkan dan memperbaiki komunikasi, hiburan dan ekspresi artistik yang lebih baik. Dari permulaan asas kepada sistem-sistem bunyi yang canggih hari ini, teknologi bunyi telah mengalami perubahan ketara dan mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan.

Sejarah teknologi bunyi menjejak kembali ke tamadun purba. Manusia terawal mencipta muzik menggunakan alat yang mudah didapati yang diperbuat daripada bahan semula jadi, seperti gendang daripada kulit haiwan atau alat tiupan yang diperbuat daripada buluh. Penciptaan penulisan sekitar tahun 3000 BCE telah membolehkan dokumentasi ataupun penyimpanan maklumat terawal mengenai muzik. Catatan ini telah dijadikan rujukan dan kemudian asas untuk penciptaan bunyi yang lebih berstruktur. Dari masa ke masa, perkembangan skala muzik dan penciptaan serta perkembangan *instrument* atau alat muzik yang canggih seperti kecapi dan seruling muncul. Inovasi alat-alat bunyi ini adalah penting kerana ia melambangkan perkembangan ekspresi artistik dan identiti budaya.

**Perkembangan teknologi bunyi pada era moden**

Era moden teknologi bunyi bermula pada abad ke-19 dengan penciptaan fonograf oleh Thomas Edison pada tahun 1877. Peranti inovatif ini membolehkan rakaman dan bunyi untuk dimain semula buat kali pertama. Ciptaan ini membuka jalan bagi industri muzik dan membolehkan pemain muzik dan pencipta lagu untuk menjangkau khalayak yang lebih luas. Selepas penciptaan fonograf, penciptaan alat lain yang boleh merakam dan memainkan bunyi diteruskan dengan penciptaan radio pada awal abad ke-20. Penciptaan radio membawa kepada perubahan kepada teknologi komunikasi, ia membenarkan siaran langsung dan mencipta pengalaman budaya berkongsi.

Pengenalan pita magnetik pada pertengahan abad ke-20 menandakan satu lagi kemajuan yang ketara pada perkembangan teknologi bunyi. Pita magnetik membolehkan rakaman bunyi dan keupayaan penyuntingan bunyi dengan ketelitian tinggi, justeru itu merevolusikan penciptaan muzik. Menjelang akhir abad ke-20, teknologi digital muncul, membawa kepada penciptaan cakera padat, yang menggantikan rekod vinil dan menawarkan medium yang lebih mudah untuk digunakan dan tahan lama.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, teknologi bunyi telah menyaksikan kemajuan yang luar biasa dengan peningkatan stesen kerja audio digital dan perkhidmatan penstriman. Pencipta lagu dan muzik kini boleh menghasilkan lagu daripada komputer peribadi dengan akses kepada pelbagai alatan untuk merakam, menggabung dan menguasai (*mastering*). Selain itu, platform dalam talian seperti yang khas untuk memainkan lagu telah mengubah cara pengguna menggunakan muzik, kerana ia membolehkan akses segera kepada perpustakaan muzik dan lagu yang luas dan juga senarai main yang boleh diperibadikan.

**Kemunculan audio tiga dimensi**

Dengan perkembangan teknologi yang berterusan, kemajuan seperti audio tiga dimensi muncul dan kini membentuk masa depan pengalaman audio. Kemajuan ini meningkatkan cara pengguna berinteraksi dengan bunyi melalui pelbagai medium, termasuk permainan video, realiti maya dan filem.

Apa yang dimaksudkan dengan audio tiga dimensi? Ia ialah pengalaman audio yang lebih berkualiti dan menyerupai skop bunyi tiga dimensi, menjadikan bunyi kedengaran datang dari pelbagai arah dan jarak yang berbeza seperti dalam tetapan dunia sebenar. Ia dicapai dengan menggunakan penapis audio yang meniru cara telinga kita memproses bunyi untuk mencipta pengalaman mendengar yang lebih realistik dan menarik.

Dengan audio tiga dimensi, realisme pada bunyi yang didengar dipertingkatkan. Audio tiga dimensi melangkaui stereo tradisional atau bunyi sekeliling dengan mencipta deria kedalaman dan dimensi. Ia juga meniru cara otak memahami bunyi dalam kehidupan sebenar, di mana bunyi yang berbeza sampai ke telinga pada masa dan kenyaringan yang berbeza, membolehkan pendengar menentukan sumber dan arah bunyi. Dengan meletakkan bunyi dalam ruang tiga dimensi, bunyi yang terhasil meningkatkan pengalaman imersif pelbagai media, termasuk filem, muzik dan permainan.

Sesetengah sistem audio tiga dimensi, seperti yang digunakan dalam penyuara kepala, juga boleh menggabungkan teknologi penjejakan, melaraskan bunyi agar sepadan dengan pergerakan kepala pendengar, meningkatkan lagi pengalaman yang mengasyikkan.

Audio tiga dimensi digunakan dalam pelbagai aplikasi, termasuk dalam penggunaan pembuatan filem dan muzik dan juga permainan video. Penggunaan audio tiga dimensi ketika bermain permainan video meningkatkan pengalaman permainan dengan menyediakan isyarat audio arah yang lebih tepat dan ia juga meningkatkan pengalaman audio dalam aplikasi realiti maya. Secara am, audio tiga dimensi menyediakan pengalaman mendengar yang lebih realistik dan menarik dengan mensimulasikan cara semula jadi otak kita memproses bunyi.

Kesimpulannya, evolusi teknologi bunyi adalah bukti kreativiti dan kepintaran manusia. Daripada alat muzik awal hingga landskap digital hari ini, setiap kemajuan telah memainkan peranan dalam membentuk pengalaman budaya dan ekspresi peribadi. Apabila teknologi terus berkembang, ia menjanjikan lebih banyak kemungkinan yang menarik untuk masa depan bunyi.



PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# 21 NEGARA ARAB, ISLAM KECAM SERANGAN UDARA ISRAEL KE ATAS IRAN

**AMMAN/ISTANBUL,** 17 Jun. - Sebanyak 21 negara Arab dan Islam mengeluarkan kenyataan bersama mengecam serangan udara Israel ke atas Iran serta menyeru agar ketegangan serantau ditangani, pelucutan senjata nuklear dilaksanakan tanpa pilih kasih dan undang-undang antarabangsa dihormati, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Menurut agensi berita rasmi Mesir, MENA, kenyataan bersama itu dibuat hasil inisiatif Menteri Luar Mesir, Badr Abdelatty yang mengadakan rundingan bersama rakan sejawatnya dari rantau berkenaan.

Negara yang terlibat dalam inisiatif itu ialah Turkiye, Jordan, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Pakistan, Bahrain, Brunei, Chad, Gambia, Algeria, Comoros, Djibouti, Arab Saudi, Sudan, Somalia, Iraq, Oman, Qatar, Kuwait, Libya, Mesir dan Mauritania.

Para menteri luar mengecam tindakan Israel menyerang wilayah Iran sebagai satu pelanggaran terhadap undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Mereka menegaskan kepentingan mempertahankan kedaulatan negara, keutuhan wilayah serta prinsip kejiranan yang baik, di samping menggesa agar semua pertikaian diselesaikan secara aman.

Para menteri turut menyatakan kebimbangan mendalam terhadap konflik yang semakin memuncak, sambil memberi amaran tentang implikasi besar terhadap keselamatan dan kestabilan rantau itu.

Mereka menggesa agar Israel segera menghentikan segala bentuk serangan terhadap Iran dan menyeru usaha menyeluruh untuk meredakan ketegangan demi mencapai gencatan senjata.

Ketegangan meningkat sejak Jumaat lalu apabila Israel melancarkan serangan udara ke atas beberapa lokasi di Iran, termasuk kemudahan ketenteraan dan nuclear. - ©BERNAMA

# UK lantik wanita pertama ketuai Perkhidmatan Perisikan MI6

**ISTANBUL**, 16 Jun. - United Kingdom (UK) melantik wanita pertama untuk mengetuai Perkhidmatan Perisikan Rahsia (MI6), menurut Pejabat Perdana Menteri pada Ahad.

Blaise Metreweli akan menjadi Ketua MI6 ke-18, menggantikan Sir Richard Moore yang akan berundur daripada perkhidmatan itu pada musim luruh, lapor Anadolu Ajansi.

Perdana Menteri Keir Starmer menyifatkan pelantikan itu sebagai satu detik bersejarah, sambil menekankan peranan penting perkhidmatan perisikan dalam menghadapi cabaran keselamatan semasa.

“United Kingdom sedang berdepan ancaman pada skala yang belum pernah berlaku sebelum ini,” kata Starmer sambil merakamkan penghargaan kepada Moore atas khidmat baktinya yang penuh dedikasi.

Setiausaha Luar David Lammy memuji pengalaman luas Metreweli dalam keselamatan negara dan menyifatkan beliau sebagai calon paling ideal untuk memimpin MI6 pada masa depan.

Metreweli kini merupakan Ketua Pengarah Bahagian Q MI6 yang bertanggungjawab terhadap teknologi dan inovasi setelah menyertai agensi itu sebagai pegawai kes pada 1999.

Beliau sebelum ini memegang jawatan pengarah dalam agensi perisikan domestik MI5 dan menghabiskan sebahagian besar kerjayanya dalam operasi di Timur Tengah dan Eropah.

Lulusan antropologi Universiti Cambridge itu menyatakan rasa bangga kerana diberi kepercayaan untuk menerajui perkhidmatan itu bagi menjaga keselamatan rakyat Britain dan mempromosikan kepentingan UK di luar negara. - ©BERNAMA

# Seorang maut, 10 cedera selepas belon udara panas terhempas di Brazil

**SAO PAULO**, 16 Jun. - Seorang wanita maut manakala 10 individu cedera selepas belon udara panas tanpa lesen yang membawa pelancong terhempas pada Ahad di negeri Sao Paulo, tenggara Brazil, lapor Xinhua memetik kenyataan polis tentera.

Belon udara panas itu membawa seramai 35 orang ketika ia terhempas di kawasan luar bandar Capela do Alto, sebuah bandar berhampiran Ipero, tempat ia berlepas.

Mangsa yang maut berusia 26 tahun.

Saluran berita Brazil, GloboNews melaporkan bahawa belon itu tidak memiliki lesen untuk penerbangan rekreasi atau pelancongan dan juruterbangnya telah ditahan selepas kejadian.

Konfederasi Belon Brazil yang berpusat di bandar Boituva turut memaklumkan bahawa belon udara panas berkenaan tidak berdaftar dengan organisasi itu. - ©BERNAMA

# Perhimpunan Kebangsaan Viet Nam lulus pindaan perlembagaan bersejarah

**HANOI**, 16 Jun. - Perhimpunan Kebangsaan (NA) Viet Nam pada Isnin sebulat suara meluluskan resolusi bagi meminda beberapa peruntukan utama dalam Perlembagaan negara itu.

Menurut Agensi Berita Viet Nam (VNA), kesemua 470 perwakilan yang hadir pada sesi kesembilan mengundi menyokong resolusi itu.

Di bawah pindaan itu, semua unit pentadbiran peringkat daerah di seluruh negara akan dihentikan operasinya mulai 1 Julai, dengan beberapa peruntukan peralihan turut disediakan.

Naib Pengerusi NA, Nguyen Khac Dinh menyifatkan resolusi itu sebagai satu detik bersejarah yang menandakan permulaan kepada reformasi institusi secara menyeluruh serta meletakkan asas perlembagaan bagi sistem politik yang lebih cekap dan ringkas.

Beliau menegaskan bahawa langkah itu akan membuka jalan ke arah membina Viet Nam yang kuat dan makmur, di mana rakyatnya hidup dalam kebahagiaan.

Pada Khamis lepas, NA turut meluluskan resolusi untuk menggabungkan unit pentadbiran peringkat wilayah, mengurangkan jumlah wilayah dan bandar daripada 63 kepada 34. - ©BERNAMA

# Pengimportan buah-buahan tropika semakin rancak susulan operasi ekspres Lancang-Mekong

**BEIJING**, 16 Jun. - Data Kastam China menunjukkan bahawa dari Januari hingga April tahun ini, jumlah kumulatif import durian melalui Laluan Kereta Api China-Laos telah melebihi 100,000 tan, manakala purata import harian import melebihi 2,000 tan.

Peningkatan pengimportan itu tidak terlepas daripada penghasilan durian di timur Thailand yang melambung lebih daripada 30 peratus, dan kerancakan pemain industri durian dari Vietnam dan Malaysia.

Memandangkan durian mempunyai kriteria tinggi dari segi had masa pengangkutan dan kesegaran, Kumpulan China Railway Kunming telah menambahkan perkhidmatan Ekspres Lancang-Mekong bagi logistik sejuk beku daripada dua kepada empat perjalanan sehari.

Dengan itu, masa pengangkutan untuk pelbagai buah-buahan tropika terutama import dari Asia Tenggara boleh dipendekkan daripada tujuh hari melalui jalan raya kepada hanya 26 jam melalui landasan kereta api.

Susulan operasi Ekspres Lancang-Mekong, kos pengangkutan buah-buahan yang diimport dari Asia Tenggara berkurangan sebanyak 60 peratus berbanding pengangkutan melalui jalan raya, harga jualan di pasar turun purata 30 peratus, manakala kekerapan menambahkan bekalan durian di kedai buah-buahan di pelbagai bandar raya seperti Beijing dan Shanghai ditingkatkan daripada dua kali seminggu kepada sekali sehari.

Sejak Mei tahun ini yang merupakan musim menuai buah-buahan di kawasan tropika seperti durian, manggis, longan dan mangga, jumlah pengangkutan buah-buahan tropika melalui Laluan Kereta Api China-Laos telah melebihi 63,000 tan, yang dilihat betul-betul menambah pilihan kepada pasaran buah-buahan domestik. - ©BERNAMA

# Lima kad kredit utama dunia kini boleh digunakan untuk bayar tambang Metro Beijing

**BEIJING**, 16 Jun. - Sistem Transit Rel Perbandaran Beijing kini membolehkan pengguna membayar tambang metro menggunakan kad JCB yang dikeluarkan di luar negara dan kad American Express yang dikeluarkan di dalam dan luar negara bermula Ahad.

Kemudahan baharu itu merupakan satu lagi langkah penting dalam usaha menaik taraf sistem pembayaran metro, susulan pengenalan sokongan kepada kad kredit MasterCard dan Visa pada September 2024.

Ia bertujuan memudahkan perjalanan pengguna, khususnya pelancong dan pengunjung asing.

Dengan peluasan ini, Sistem Transit Rel Perbandaran Beijing menjadi sistem transit bandar pertama di dunia yang menyokong pembayaran tambang menggunakan lima kad kredit utama dunia – China UnionPay, MasterCard, Visa, JCB dan American Express.

Penaiktarafan perkhidmatan itu meliputi keseluruhan rangkaian Metro Beijing merangkumi 29 laluan, 523 stesen serta laluan S2 di kawasan pinggir bandar.

Semua pintu masuk dan keluar di rangkaian metro ini kini menyokong pembayaran tanpa sentuh menggunakan kelima-lima kad kredit berkenaan sepanjang waktu operasi.

Pengguna tidak perlu menempah tiket atau memuat turun aplikasi tambahan dan hanya perlu mengimbas kad kredit terus di pintu masuk dan keluar untuk mendapat akses serta-merta.

Sejak sistem pembayaran tambang menggunakan kad kredit asing diperkenalkan di tanah besar China pada 13 September 2024, Metro Beijing menerima transaksi kad kredit dari lebih 130 negara dan wilayah tanpa sebarang aduan sehingga kini. - ©BERNAMA

# PELUANG SERTAI KLINIK BOLA JARING

**Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bola Jaring Brunei Darussalam, Jabatan Pendidikan Kokurikulum**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Jun. – Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK), Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Brunei Darussalam (BNA) akan menganjurkan Klinik Bola Jaring sempena musim cuti persekolahan pada Rabu dan Khamis, 18 dan 19 Jun 2025 bertempat di Dewan Serbaguna Kompleks, Sukan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Klinik Bola Jaring berkenaan dibukakan kepada peserta yang berumur bawah 10 tahun, bawah 15 tahun dan bawah 19 tahun. Yuran pendaftaran adalah sebanyak BND2 untuk acara dua hari berkenaan.

Tujuan klinik berkenaan diadakan adalah bagi mengasah kemahiran asas pergerakan seperti berlari, melompat, menangkap, membaling dan mengimbangi diri melalui aktiviti bola jaring yang menyeronokkan.

Selain itu, ia juga sesuai bagi kanak-kanak untuk meningkatkan keyakinan diri, koordinasi serta semangat berpasukan.

Untuk keterangan lanjut, sila layari laman Instagram *Bruneinetballofficial*.






KEDUDUKAN KEJOHANAN PIALA LELA CHETERIA 2025

| POS | CLUB | P | W | D | L | PTS |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | MIRI FA | 4 | 3 | 1 | 0 | 10 |
| 2 | LIMBANG FA | 4 | 3 | 1 | 0 | 10 |
| 3 | KASUKA FC | 4 | 2 | 2 | 0 | 8 |
| 4 | GERGASI FC | 4 | 2 | 1 | 1 | 7 |
| 5 | PKT FT | 4 | 1 | 0 | 3 | 3 |
| 6 | SHADA FT | 4 | 0 | 2 | 2 | 2 |
| 7 | SPORTS SCHOOL FC | 4 | 0 | 2 | 2 | 2 |
| 8 | SUPASTRIKAS | 4 | 0 | 1 | 3 | 1 |

# Limbang FA tewaskan Shada FT 2 - 1

**Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 16 Jun. - Kejayaan pasukan Limbang FA menewaskan pasukan Shada FT 2 - 1 baru-baru ini merancakkan lagi persaingan Kejohanan Bola Sepak Liga Jemputan Piala Lela Cheteria di Kompleks Sukan Tutong.

Limbang FA lebih awal mendapat kelebihan apabila Jordan Teruku Yahaya bijak memboloskan gawang Shada FT seawal minit pertama.

Kesilapan pertahanan Shada FT kemudian dihukum oleh Raziq Irfan yang cuma menguis mudah kepada lawan pada minit ke-16 untuk kedudukan 2 - 0.

Shada FT yang berjaya bangkit dengan mengatur serangan akhirnya berjaya merapatkan kedudukan menjadi 2 - 1 pada minit ke-37 menerusi Md. Danish Bazly.

Babak kedua lebih menarik dengan Shada FT rancak mencari peluang untuk mengikat kedudukan namun pertahanan pasukan dari Limbang FA terlalu kebal untuk ditembusi sehingga tamat perlawanan.

Menurut Ketua Jurulatih Limbang FA, Md. Amizul Fadhillah bin Hanifah, "Sekalipun tidak menurunkan 11 pemain utama, saya bersyukur pemain-pemain berjaya membawa pulang mata penuh yang sangat berharga. Kejayaan ini juga membuktikan kesungguhan pemain barisan simpanan yang mempunyai keseimbangan dengan pemain utama".

Beliau mengakui anak buahnya telah mendapat saingan yang sengit daripada Shada FT namun memuji barisan pertahanannya yang kental untuk menghalang ancaman pasukan lawan.

Pada perlawanan lain di Kompleks Sukan Arena, Seria, Miri FA berjaya menundukkan PKT FT dengan jaringan 3 - 1.



**LIMBANG FA berjaya menewaskan pasukan Shada FT 2 - 1 pada Kejohanan Bola Sepak Liga Jemputan Piala Lela Cheteria yang diadakan di Kompleks Sukan Tutong.**

# KLK 'A' juara Kejohanan Sepak Takraw Terbuka Sengkurong

**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**
**Foto : Ihsan Kelab Sepak Takraw Sengkurong**





**SENGKURONG,** Isnin, 16 Jun. - KLK 'A' muncul juara dalam Kejohanan Sepak Takraw Terbuka Sengkurong setelah menewaskan pasukan tuan rumah, Sengkurong dengan *straight set* di peringkat akhir, baru-baru ini.

Manakala tempat ketiga bersama disandang oleh pasukan Panglima Kota Batu dan BTTJ Warrior.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kejohanan ialah Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram.

Kejohanan tersebut diadakan di Gelanggang Sepak Takraw Sengkurong dan telah menarik penyertaan sebanyak 20 buah pasukan dari dalam dan luar negara seperti negara jiran iaitu Sabah dan Sarawak.

Selain mengeratkan silaturahim dalam kalangan pemain tempatan dan luar negara antara lain objektif kejohanan juga ialah mengasah bakat-bakat baharu dalam bidang sukan sepak takraw.

**PENGHULU Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang kejohanan berkenaan.**

PELITA BRUNEI
PELITA BRUNEI SUKAN
ePaper Pelita Brunei

# SEAKF KE-12 DILANCARKAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan melancarkan Kejohanan Persekutuan Karate Asia Tenggara (SEAKF) Ke-12 (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, Yang Berhormat menyempurnakan penyampaian pingat kepada pemenang dan gambar bawah kiri, antara aksi pada kejohanan tersebut.**



**BERAKAS**, Selasa, 17 Jun. - Persekutuan Karate Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Persekutuan Karate Asia Tenggara (SEAKF) Ke-12 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat dan melancarkan kejohanan tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Penganjuran SEAKF buat kali ke-12 buat julung kalinya telah berjaya menghimpunkan lebih 400 atlet dari 10 Negara Asia Tenggara.

Antara negara yang mengambil bahagian ialah Negara Brunei Darussalam (NBD) disertai seramai 56 atlet; Viet Nam seramai 83 atlet; Republik Indonesia seramai 73 atlet; Thailand seramai 57 atlet; Malaysia seramai 57 atlet; Republik Filipina seramai 54 atlet; Kemboja seramai 23 atlet; Republik Singapura seramai dua atlet; manakala tujuh atlet dari Timor-Leste; dan Republik Demokratik Rakyat Lao pula disertai oleh tiga atlet.

Kejohanan tersebut diadakan selama tiga hari bermula hari ini dan orang ramai adalah dialu-alukan bagi menyaksikan kejohanan berkenaan kerana kemasukan adalah percuma.

Tujuan utama SEAKF mengadakan kejohanan kali ini adalah untuk mempromosikan dan membangunkan sukan karate di rantau Asia Tenggara. Ini termasuk menganjurkan pertandingan serantau seperti Kejohanan SEAKF serta memupuk kerjasama dan komunikasi dalam kalangan persekutuan ahli.

Selain itu, SEAKF berhasrat untuk meningkatkan populariti karate dan menyokong pertumbuhannya di rantau ini.

Kejohanan mempertandingkan kedua-dua acara Kata dan Kumite yang merentasi pelbagai peringkat umur dan bahagian dari Kadet 14 hingga 15 tahun, Junior 16 hingga 17 tahun, U21 dan Kategori Senior.

Selain perlawanan, acara ini menampilkan karnival vendor yang meriah di kawasan letak kereta Stadium Tertutup dengan lebih 100 gerai tempatan yang menawarkan makanan, minuman, hiburan dan aktiviti untuk semua peringkat umur. Gerai tersebut dibuka setiap hari dari pukul 8.00 pagi hingga 10.00 malam sehingga 19 Jun ini.

# Chelsea buka kempen Piala Dunia Kelab 2025 dengan kemenangan 2-0 ke atas LA FC

**ANKARA**, 17 Jun. - Chelsea memulakan kempen Piala Dunia Kelab FIFA 2025 dengan langkah kanan apabila menewaskan Los Angeles FC 2-0 dalam aksi pembukaan Kumpulan D pada Isnin, lapor Anadolu Ajansi.

Perlawanan berlangsung di Stadium Mercedes-Benz, Atlanta yang menjadi pentas pertemuan sulung kumpulan berkenaan.

Pedro Neto membuka tirai jaringan buat kelab Liga Perdana Inggeris itu pada minit ke-34 untuk mendahului 1-0 di separuh masa pertama.

Enzo Fernandez mengesahkan kemenangan milik The Blues dengan jaringan kedua pada minit ke-79. Satu lagi aksi Kumpulan D melibatkan Esperance (Tunisia) dan Flamengo (Brazil) dijadual berlangsung awal pagi Selasa pada 0100 GMT. - ©BERNAMA

# Piala Negara-Negara FIH Wanita 2 : Langkah sumbang Malaysia, tewas kepada Poland

**KUALA LUMPUR**, 17 Jun. - Permulaan kurang memberangsangkan buat skuad hoki wanita negara apabila tewas 0-2 kepada tuan rumah, Poland, pada aksi pertama Kumpulan A kejohanan Piala Negara-Negara Persekutuan Hoki Antarabangsa (FIH) Wanita 2 hari ini.

Perlawanan berlangsung sengit apabila kedua-dua pasukan saling mengimbangi permainan dengan kedudukan terikat 0-0 hingga suku ketiga perlawanan.

Namun benteng pertahanan skuad negara berjaya dirobek oleh dua jaringan Tartaczuk Sandra pada suku terakhir perlawanan.

Mohd. Nasihin berkata Malaysian Tigress mempunyai beberapa peluang terbaik untuk menghasilkan gol pada suku pertama dan kedua namun ketangkasan penjaga gol Poland menidakkan peluang Malaysia untuk memecah kebuntuan.

"Pada saat akhir, sedikit kecewa kerana kesilapan memberikan peluang kepada Poland menjaringkan gol. Saya harap pemain dapat bangkit dan memberikan yang lebih baik untuk perlawanan esok bertemu Afrika Selatan," katanya menerusi rakaman video dikongsi Konfederasi Hoki Malaysia (MHC).

Dalam satu lagi perlawanan Kumpulan A, Afrika Selatan meraih kemenangan pertama selepas menewaskan Uruguay 2-0. - ©BERNAMA